


**ALAT-ALAT KEBESARAN KERAJAAN DAN
ADAT-ISTIADAT DI RAJA NEGERI SEMBILAN**

YUNUS BIN RAHMAT

**Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi
1978/79**



....di sini ayah,
walaupun kau telah 'pergi'...
ibu yang sentiasa menadah tangan,
juga dia....
ku abadikan suatu tanda...



"ALAT-ALAT KEBESARAN KERAJAAN DAN
ADAT-ISTIADAT DI RAJA NEGERI SEMBILAN"

oleh
YUNUS BIN RAHMAT

Latihan Ilmiah ini dikemukakan
kepada
Universiti Kebangsaan Malaysia
bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah
Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sejarah



"Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini
ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan
nukilan-nukilan yang mana telah saya akui tiap-
tiap satunya"

February, 1979.

PETA NEGERI SEMBILAN



DAERAH-DAERAH ADAT MINEBERI SEMBILAN.

0 10
1 DATU



PETUNJUK:

■ - KAWASAN
KAWAJAN.

SENARAI GAMBAR-GAMBAR.

<u>GAMBAR.</u>	<u>HALAMAN.</u>
1. 1a. Payung Kuning AAKK Kerajaan Negeri Perak. 1b. Payung Kuning AAKK Negeri Sembilan.	 62.
2. 2a. Payung Kuning AAKK Negeri Sembilan.(Pandangan dekat). 2b. Payung Kuning AAKK Negeri Sembilan.(Keseluruhan pandangan).	 67.
3. 3. Perbedzaan Payung Kuning AAKK dengan Payung Kuning di Raja Negeri Sembilan.	 69.
4. 4a. Tonggol/Panji-Panji di Raja Negeri Sembilan. 4b. Tonggol/Panji-Panji AAKK Negeri Sembilan.	 73. 74.
5. 5a. Payung Kuning di Raja dan Payung Kuning AAKK, Tahun 1920. 5b. Payung Kuning di Raja, Tahun 1948.	 81. 81.
6. 6. Keris Panjang AAKK Negeri Sembilan di tempat simpanan.	 94
7. 7a. Keris Panjang AAKK sebagai Keris Istiadat. 7b. Keris Istiadat tanpa sarung.	 98.
8. 8a. Keris-keris AAKK secara dekat. 8b. Pedang-Pedang Panjang AAKK dengan sarung. 8c. Pedang-Pedang Panjang AAKK tanpa sarung-sarung.	 106. 123.
9. 9a. Tombak Berambu AAKK didalam tempat simpanannya (BRS). 9b. Tombak Berambu tanpa sarung (melihat ukuran mata).	 132.
10. 10a. Bentuk Tombak AAKK Negeri Sembilan. 10b. Bentuk Lembing AAKK Negeri Perak. (melihat Perbandingan).	 144.

GAMBAR.HALAMAN.

11.	11. Tembing dan Payung AAKK Negeri Perak (melihat perbandingan dengan Tombak dan Payung AAKK Negeri Sembilan.		161.
12.	12a. Perlantikan DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ke 10.		170.
	12b. Istiadat Membaca Doa selamat.		170.
13.	13a. Istiadat Perlantikan DYMM Oleh Dato' Undang Jelebu.		
	13b. Istiadat Menjunjung Duli selepas Perlantikan.		180.
14.	14. Istiadat Menurunkan AAKK Negeri Sembilan.		184.
15.	15a. Istiadat Bersiram. (Berarak Bersiram).		
	15b. Istiadat Berarak Bersiram dan AAKK Negeri Sembilan.		189.
16.	16a. Istiadat Pertabalan DYMM Tuanku Jaafar. (YDPB ke 10).		
	16b. Istiadat Menjunjung Duli Yang Maha Mulia YDPB.		202.
17.	17a. Istiadat mengarak AAKK Perlantikan Tunku Ampuan Majiheh.		215.
	17b. Istiadat Perlantikan, setelah diarak untuk ke BRS.		215.
18.	18a. Istiadat Menjunjung Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan.		
	18b. Istiadat Perlantikan di dalam BRS. ..		219.
19.	19a. Istana Besar Seri Menanti. (Tempat kajian Penulis).		
	19b. Istana Lama Seri Menanti, ..		208.

SENARAI KANDUNGAN.

	Halaman.
Sinopsis.	i
Senarai Kependekan	vii.
Prakata	ix.
Pendahuluan,	xv.
 BAB I: PENGENAIAN.	
Asal-Usul Adat Istiadat Raja-raja Melayu..1	
Negeri Sembilan sebelum Beraja (Sejarahnya) dan Salasilah Raja-raja Negeri Sembilan	13.
Adat Istiadat Raja-raja Negeri Sembilan yang ada hubungannya dengan Alat-alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan.	...37.
Alat-alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan	57.
 BAB 2; PATUNG DAN PANJI-PANJI ALAT-ALAT KEBESARAN KERAJAAN.	
2.A. PAYUNG.	
Payung.	60.
Payung Kuning yang tersimpan sebagai Alat-alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan.	63.
2.B. PANJI-PANJI (TONGGOL)	
Panji-panji.	70.
Panji-panji yang tersimpan sebagai Alat-alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan.	72.
 BAB 3; KERIS PANJANG, PEDANG PANJANG DAN TOMBAK BERAMBU ALAT-ALAT KEBESARAN KERAJAAN.	
3.A. KERIS PANJANG.	
Keris.	86.
Keris-keris Panjang Alat Alat Kebesaran Kerajaan.	89.

3.B. PEDANG PANJANG.		
Pedang.		109.
Pedang Panjang sebagai		
Alat-alat Kebesaran Kerajaan.....		113.
3.C. TOMBAK BERAMBU.		
Tombak.		127.
Tombak-tombak Berambu		
sebagai Alat-alat Kebesaran		
Kerajaan.		130.
Rumusan.		145.
BAB 4: ISTIADAT DI RAJA		
NEGERI SEMBILAN.		
Istiadat Pemilihan D.Y.M.M.		
Yang Di Pertuan Besar.		164.
Istiadat Pertabalan D.Y.M.M.		
Yang Di Pertuan Besar.		181.
Istiadat Perlantikan D.Y.M.M.		
Tunku Ampuan Negeri Sembilan.....		209.
Istiadat Penghulu Luak		
Menjunjung D.Y.Y.Y.		228.
Changgai Puteri, Cogan		
Kebesaran D.Y.M.M. Yang Di		
Pertuan Besar Negeri Sembilan....		240.
PENUTUP.		242.
SENARAI BAHAN-BAHAN RUJUKAN.		254.
LAMPIRAN KHAS.		259.
LAMPIRAN A.		261.
LAMPIRAN B (i).		262.
LAMPIRAN B (ii).		262.
LAMPIRAN C.		264.
LAMPIRAN D.		265.
LAMPIRAN E.		266.
Gambar Istana Besar Sri Menanti		
dan Istana Lama, Tempat Kajian		
dibuat.		268.

SINOPSIS.

Untuk lebih memudahkan sesuatu kajian dan untuk mendalami apa yang menjadi tajuk perbincangan, di rasakan perlu jika sesuatu kajian itu dibuat mengikut had-had tertentu. Maknanya sesuatu kajian itu mistilah di khususkan di dalam satu-satu bidang, kawasan kajian, dan apa yang perlu dikaji! Methodologi kajian adalah perlu bagi mendapatkan satu bentuk kajian yang berkesan. Bagi penulis, telah mengkhususkan kajiannya terhadap ALat-ALat Kebesaran dan juga Adat Istiadat di Raja, Negeri Sembilan.

Alat-alat kebesaran Kerajaan yang hendak di ^{oleh} kaji/penulis merupakan sesuatu yang penting, berfungsi sebagai lambang kebesaran Kerajaan dan juga kemegahan sesuatu kerajaann itu. Istana Besar Sri Menanti merupakan tempat kajian penulis. Bagi kerajaan Negeri Sembilan Alat-alat kebesarannya dinamakan 'Alat-alat Kebesaran Kerajaan' yang kini tersimpan dengan eloknya di dalam Balai Rong Seri, Istana Besar Sri Menanti. Sebelum ianya disimpan di Istana Besar Sri Menanti (1930), tempatnya ialah di Istana Lama yang terlatak tidak berapa jauh dari Istana Sekarang ini. Alat-alat kebesaran tersebut merupakan warisan daripada Yam Tuan Melewar, yang di datangkan dari kerajaan Pagar Ruyung, Sumatra.

Berkaitan dengan Adat istiadat di Raja penulis mahu melihat hubungan secara langsung sesuatu istiadat itu dengan Alat-alat Kebesaran Kerajaan yang kedua-duanya saling berkaitan dan juga merupakan warisan dari Raja-raja Melayu. Alat-alat Kebesaran yang akan disentuh oleh penulis ialah Payung Kuning, Keris Panjang, Pedang Panjang, Panji-Panji dan juga Tombak Berambu. Di samping itu penulis juga cuba membawa beberapa contoh Alat-alat kebesaran di Raja, yang cuma berfungsi di dalam istiadat tertentu. Alat-alat itu merupakan Warisan daripada Kerajaan Di Pagar Ruyung yang juga di bawa semasa kedatangan Yam Tuan Pertama (1773).

Untuk memudahkan lagi kajian, penulis cuba membahagikan kajiannya kepada empat bab, yang meliputi sejarah awal Negeri Sembilan, setiap jenis Alat-alat Kebesaran yang dimuatkan ke dalam dua bab dan menyentuh tentang Adat istiadat di Raja di dalam bab yang terakhir. Di sini penulis cuba memberikan tumpuan kepada Alat-alat Kebesaran Kerajaan dan juga Adat istiadat di Raja yang menjadi persoalan pokok dan inti kajian beliau, semoga apa yang diutarakan oleh penulis akan memberikan sedikit sebanyak pemahaman kepada pembaca. Muraian yang dibuat akan disokong sebanyak sedikit oleh beberapa contoh gambar yang berkaitan dengan penghuraian yang dibuat oleh penulis.

Bab Pertama.

Di sini penulis akan menceritakan sebanyak sedikit dan cuba meninjau tentang Adat Istiadat di kalangan Raja-Raja Melayu, istiadat Raja-raja Negeri Sembilan, melihat sejarah Negeri Sembilan dan raja-rajanya, sentuhan juga dibuat ke atas kaitan antara adat istiadat di Raja Negeri Sembilan dengan Alat-alat Kebesaran Kerajaan yang seterusnya akan diperbincangkan di dalam bab-bab yang terkemudian. Selain daripada itu penulis juga cuba menghurai kan tentang Alat-alat Kebesaran itu sendiri.

Bab Dua.

Di dalam bab ini penulis akan menyenituh dan cuba mengutarakan jenis Alat-alat Kebesaran yang terdapat bagi Kerajaan Negeri Sembilan. Payung Kuning dan juga Panji-panji (Tonggol) akan dihuraikan oleh penulis dengan melihat betiap sesuatu itu melalui beberapa aspek. Bentuk, ukuran dan juga gambaran yang dapat menjelaskan alat-alat itu akan diutarakan oleh penulis. Huraian-huraian akan disertakan dengan gambar-gambar yang berkaitan, untuk pemahaman kepada semua. Ditegaskan bahawa penulis menggabungkan dua jenis alat kebesaran di dalam bab ini sebagai perbincangannya di dalam melihat ke dudukan dan juga peranan alat-alat tersebut. Lanjutan daripada beberapa bahagian dalam bab ini akan ditempatkan di dalam bab ke tiga sebagai rumusan kesemua alat-alat tersebut.

Bab Tiga.

Merupakan tumpuan pengkaji ke atas tiga jenis Senjata yang mempunyai sejarahnya yang tertentu yang tergolong di dalam Alat-alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan. Keris Panjang, Pedang Panjang serta Tombak berambu merupakan perbincangan yang dibawa oleh penulis dalam bab ini. Beberapa aspek tertentu adalah bahagian-bahagian yang ditekankan oleh penulis, misalnya melihat bentuk ukuran, sejarah, fungsi, bilangan, serta pantang larang yang kedapatan di dalam alat-alat tersebut. Di bahagian rumusan juga penulis akan melihat Alat-alat Kebesaran yang digolongkan dalam bab ke dua, bersama-sama ke tiga-tiga alat-alat kebesaran ini. Penulis cuba juga melihat beberapa jenis alat-alat kebesaran di Raja yang juga berperanan di dalam beberapa adat istiadat di Raja sebagai perbandingan dari segi kedudukan kesemua alat-alat tersebut di dalam adat istiadat yang diadakan. Perbandingan juga akan diperlihatkan dalam kaitannya dengan alat-alat Kebesaran Negeri Perak. Huraian ini akan dibuat oleh penulis dengan menyertakan beberapa keping gambar yang dapat menjelaskan lagi apa yang cuba diperlihatkan oleh penulis.

Bab Empat.

Merupakan bab yang terakhir di dalam kajian penulis, pengkhususan akan dibuat ke atas beberapa adat istiadat di

Raja yang diadakan secara teratur, tersusun mengikut aturan yang telah dibuat sejak dahulu. Penulis akan cuba menonjolkan Istiadat Perlantikan Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan di samping melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku yang membawa kepada istiadat Perlantikan tersebut. Istiadat Pertabalan juga merupakan aspek yang akan disentuh oleh penulis yang merangkumi beberapa adat istiadat yang lain, juga istiadat Perlantikan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan serta juga istiadat yang tidak kurang juga pentingnya dilakukan oleh pihak Istana di dalam masa-masa yang tertentu, misalnya istiadat Penghulu Luak Mengadap Menjunjung Duli. Seterusnya penulis juga menyingung perbedzaan dan persamaan yang terdapat didalam adat istiadat di Raja Negeri Sembilan dan Perak sebagai contoh perbincangan. Untuk pengakhirnya penulis juga melihat lambang Kebesaran Di Raja Negeri Sembilan yang begitu penting dan berfungsi di dalam kedudukan Yam Tuan sebagai pemerintah. Pernilaian dan pengolahan kembali tentang apa yang disentuh, apa yang dikaji dan dilihat akan dilakukan oleh penulis dibahagian penutup kajian beliaau.

Di samping itu konsep raja juga akan dilihat mengikut pandangan orang-orang Melayu juga hubungannya dengan alat-alat kebesaran tersebut di dalam satu-satu Istiadat di Raja Negeri Sembilan. Melihat juga pengaruh-

kebudayaan asing di dalam Adat istiadat Raja-raja Melayu, Perbincangan singkat akan disinggung oleh penulis mengenai pengaruh kebudayaan Islam, Hindu, Barat serta juga kebudayaan tempatan dalam membentuk pengkelan sesuatu adat istiadat di kalangan raja-raja Melayu, semoga perbincangan yang singkat ini juga akan dapat memberikan satu-satu ketetapan kepada semua di dalam melihat sesuatu perkara yang selama ini menjadi suatu kekeburan bagi mereka.

SENARAI KEPENDEKAN.

1. D.Y.M.M., Duli Yang Maha Mulia; Panggilan sebelum nama gelaran Yang di Pertuan Besar dan juga Tunku Ampuan Negeri Sembilan.
2. Y.D.P.B.; Yang Di Pertuan Besar; Panggilan sebelum nama sebenar seseorang pemerintah bagi Kerajaan Negeri Sembilan.
3. Y.M.M., Yang Maha Mulia, Panggilan sebelum nama gelaran bekas Tunku Ampuan.
4. Y.A.M., Yang Amat Mulia, Panggilan sebelum nama gelaran bakal-bakal Raja, (Putera Wang Empat) serta putera dan puteri Yang di Pertuan Besar .
5. Y.A.M., Yang Amat Mulia, Panggilan sebelum nama-nama gelaran Dato'-Dato' Undang Luak Yang Empat, Tengku Besar Tampin dan juga Dato' Shah Bandar Sungai Ujung.
6. Y.M., Yang Mulia; Panggilan sebelum nama anak-anak Raja.
7. T., Tengku; Panggilan sebelum nama gelaran Putera Yang Empat (Bakal-bakal Raja).
8. Y.A.B., Yang Amat Berhormat; Panggilan sebelum nama gelaran Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan.
9. Y.B., Yang Berhormat; Panggilan sebelum nama gelaran Setiausaha Kerajaan.

10. D.P.D., Dato' Penghulu Dagang; Panggilan gelaran Orang Empat Istana yang ke tiga (Dato' Yang ke tiga).
11. D.B.D.R., Dato' Bijaya Di Raja; Panggilan sebelum nama gelaran Pengelola Bijaya Di Raja bagi Duli Yang Maha Mulia.
12. B.R.S., Balai Rong Seri; Panggilan kepada nama Balai di mana istiadat di Raja di sempurnakan.
13. A.A.K.K., Alat-alat Kebesaran Kerajaan; Panggilan kepada Alat-alat Kebesaran bagi setiap Istiadat di Raja.
14. A.A.K.D.R. ALat-alat Kebesaran Di raja; Panggilan kepada nama Keris Keemasan, Pedang Sebarau Bujang, dan juga Batil Rambu yang berfungsi di dalam istiadat pertabalan di Raja.

PRAKATA.

Menyentuh kepada tujuan kajian ini dibuat, bagi penulis perkara pokok baginya ialah untuk memenuhi syarat bagi membolehkan penulis mendapatkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (PSKK), di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Tahun 1979 ini. Teseh Ilmiah ini merupakan sesuatu yang wajib, dan satu syarat penting bagi penulis mendapatkan Ijazah itu.

Walaupun penulis merasakan, kajiannya ini lebih mirip kepada soal Ilmu Kebudayaan, walaupun penulis dari Jabatan Sejarah, namun itu merupakan sesuatu yang penting bagi penulis. Pengetahuan kepada sesuatu yang hendak dikaji oleh penulis ini adalah merupakan sesuatu yang telah diketahuinya, mungkin juga orang lain, tetapi yang menjadi persoalannya ialah soal pemahaman dan pengertian keatas apa yang diketahuinya itu, masih dengkel. Penulis mahu mencuba sesuatu apa yang belum ada dilakukan oleh penulis lain tentang persoalannya itu, apalagi mengenai sedikit sebanyak tinjauan keatas adat-istiadat di Raja itu dalam kaitan dengan alat-alat Kebesaran Kerajaan bagi Negeri Sembilan, yang rata-ratanya mempunyai kelainan yang ketara jelas dalam bentuk amalan adat-istiadat masyarakatnya, mau

pun dikalangan di Raja sendiri, yang mena raja bagi Negeri Sembilan ini merupakan keturunan dan jugaw warisan dari pada kerajaan Pagar Ruyung di Sumatera, yang masyarakatnya terdiri daripada masyarakat Minangkabau. Rajanya adalah keturunan dari sana, dari masyarakat Minangkabau, tetapi bukan Adat Perpatih yang diamalkan oleh golongan ini. Sesuatu yang lain itulah yang mahu diperlihat dan dilihati oleh penulis didalam hal ini.

Penulis yang juga berasal, dilahir dan dibesarkan didalam negeri Bersemayamnya Yam Tuan yang mahu dilihat itu, akan merasa rugi dan rendah diri andainya struktur pemerintah dinegeri sendiri tidak difahami, asal-usul negerinya tidak diketahui, serta juga amalan adat-istiadat dan apa-apa dia istiadat yang dilakukan oleh pemerintah/raja nya itu tidak diketahui. Yang pokoknya, penulis juga khawatir kalau ia tidak mengetahui apa itu yang dikatakan sebagai alat-alat kebesaran kerajaan Negeri Sembilan itu. Justeru, penulis coba 'belajar melalui kesilapan' untuk melihat dan memahami sesuatu yang masih jahil baginya.

Selain dari itu juga penulis mahu mengabadikan sebanyak sedikit akan adat-istiadat di Raja negerinya, serta juga apa yang dinamakan sebagai 'perkakas kerajaan' itu dalam bentuk tulisan yang pertama baginya. Semoga dengan

kajian penulis yang singkat ini akan dapat menambahkan pemahaman keatas apa yang selama ini hanya diketahuinya secara tidak khusus dan ilmiah. Catatan ini juga dirasakan perlu untuk dijadikan panduan bagi jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Penulis percaya dan memahami, tahu bahawa semua orang mengenali Negeri Sembilan, dapat menggambarkan bentuk amalan yang dilakukan oleh masyarakatnya, dan bagi setengah golongan bila mendengar Negeri Sembilan itu, lemah rasa semangat, kalau mahu dihantar bekerja ke Negeri Sembilan, termenung memikirkannyam seolah-olah sesuatu yang ganjil ada disana. Takut kepada masyarakat di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat resam yang lain dari masyarakat di negeri-negeri lain di Malaysia ini. Bila mendengar nama Negeri Sembilan, terbayanglah 'orang Minang', 'adat perpateh', 'Queen-control' dan macam-macam lagi. Berlakunya ini sebab apa, sebab kurang mengetahui keadaan sebenarnya tentang adat-istiadat itu (adat merupakan undang-undang masyarakat), justeru itu banyak gambaran buruk yang datang dalam fikiran. Walaubagaimana pun, disini penulis tidak mahu menjelaskan apa itu Adat Perpateh, tapi mahu membawa semua kepada Istiadat di Raja dan juga kebesaran kerajaan serta Raja di Negeri Sembilan ini.

Selain daripada itu, dalam kajiannya ini, penulis

mahu menegaskan yang kita ini, masyarakat melayu bukannya tandus dengan kebudayaan. Sebenarnya kebudayaan kita itu amat menarek, mungkin dapat dibanggakan, tidak ada tolok bandingnya, walaupun dikumpulkan seluruh kebudayaan di dunia ini, misalnya adat-istiadat di Rajanya. Negeri Sembilan sendiri yang Raja-raja mempunyai kebudayaan yang sendiri-sendiri, yang mungkin ada persamaan dengan raja-raja lain di Malaysia ini, dan mungkin juga terdapat perbandingan. Dan semua ini akan disentuh bincangkan oleh penulis. Dalam hal ini, istiadat diraja dalam kaitannya dengan alat-alat kebesaran itu perlu ditekankan, kerana penulis mahu melihat, apakah semua yang menjadi lambang kepada keagungan dan juga kebesaran raja itu kekal terus atau sementara sahaja didalam istiadat itu, itu penting.

Adat-istiadat di Raja Negeri Sembilan ini, selain dari warisan raja dari Sumatera, mungkin juga ia dipengaruhi oleh kebudayaan dan adat-istiadat di raja zaman Kesultanan Melaka dahulu. Bagaimana juga kaitan ini terjadi, dan kalau terjadi, maknanya adat-istiadat itu ada kaitannya dengan sejarah awal Tanah air kita ini. Persoalan kebudayaan dalam kaitannya dengan pengaruh Hindu dan lain-lain itu juga mahu dilihat penulis, penulis tidak mahu masyarakat Melayu ini menerima bulat-bulat tuduhan penulis Barat yang mengatakan rata-ratanya kebudayaan orang Melayu itu cedukan kebudayaan asing, justeru itu diamalkan mereka, apakah ini sebetulnya.

Kepercayaan dan juga amalan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu terhadap sesuatu itu juga akan diperlihatkan oleh penulis, apakah sebenarnya kepercayaan kita kepada sesuatu itu boleh menghalang kerja-kerja dan keyakinan diri sendiri, atau apakah juga Kepercayaan itu dapat memberikan kemajuan pemikiran kepada masyarakat itu. Alat-alat kebesaran kerajaan Negeri Sembilan yang terdiri dari berbagai jenis perkakas itu juga perlu dilihat dari aspek sejarah, bentuk, bilangan, fungsi dan juga pantang larangnya itu. Bagaimana ianya menjadi lambang kepada keagungan diraja, dan juga melihat sedikit perbandingan dengan alat-alat kebesaran dan juga istiadat raja-raja didalam negeri lain di Malaysia ini. Melihat juga akan nilai-nilai ketukangan orang Melayu dimasa dahulu, dalam membentuk sesuatu yang pada akhirnya menjadi lambang kekuasaan seseorang Raja itu, keris misalnya, merupakan sesuatu senjata yang penting, dan juga penting bagi raja, yang menganggapnya satu dari pakaian baginda.

Kajian yang baik, memerlukan masa yang cukup, pemikiran yang tenang, tidak ada masalah lain difikirkan sama, tidak ada masalah kewangan yang menggugat, tidak ada tanggungjawab lain terhadap keluarga, dan lengkap semuanya, baharu lah satu-satu hasil yang baik dapat dilahirkan. Namun bagi penulis, segala sesuatu yang merupakan masalah itu mendatangi nya, serta juga mungkin penulis sendiri tidak mempunyai ke mampuan untuk melahirkan satu bentuk kajian yang bermutu

kerana kelemahan latar belakan dan juga pemikiran penulis sendiri, juga berdasarkan personaliti. Masalah juga di hadapi penulis, didalam untuk mendapatkan bahan dan juga bukti yang boleh mengukuhkan lagi penerangan yang diutarakan. Buku-buku untuk dijadikan bahan panduan dan rujukan, paling sedikit, dan paling sulit ditemui. Mungkin juga tidak ada pihak yang berminat menyentuh tentang perbincangan seperti mana yang mahu dibuat oleh penulis ini. Masalah untuk menemui orang-orang yang berpengaruh dan tahu dalam hal-hal adat istiadat ini juga paling rumit, kerana mereka itu berada jauh dari tempat tinggal penulis sendiri, lagi pun wang merupakan masalah yang paling utama yang membuatkan kajian penulis ini tidak begitu bermutu dirasakan. Penulisan yang dibuat pun dengan usaha sendiri, maknanya keadaman sendiri yang menjadikan terbentuknya kajian ini.

Walaupun satu harapan penulis, semoga dengan lahirnya satu kajian asas dari penulis ini, semoga dapat memberikan sedikit sebanyak pengetahuan kepada yang masih kurang memahami tentang alat-alat kebesaran kerajaan dan juga adat-istiadat di Raja bagi Hegeri Sembilan ini. Semoga juga ia akan dapat dijadikan asas rujukan dan panduan kepada seseorang yang mahu mendalami lagi kajian ini, juga dengan tujuan mahu memperbaiki segala kesalahan yang terdapat didalam kajian penulis ini. Ini disebabkan penulis menyedari akan kelemahan diri dan juga kebolehan didalam membentuk satu kajian yang begitu bermutu, ini paling sulit dirasakan oleh penulis.

PENDAHULUAN.

Kajian yang dibuat oleh penulis ini adalah merupakan satu kajian yang ulung, yang sebelum ini belum pun ada seorang penulis pun yang menunjukkan minatnya terhadap persoalan yang mahu disentuh oleh penulis. Tidak ada yang berminat mungkin, atau juga takut menghadapi masalah yang serupa yang telah dihadapi oleh penulis. Walaubagaimana pun, berdasarkan kajian dan tulisan Datuk Abdul Samad Idris yang banyak menyentuh tentang Negeri Sembilan dan Sejarahnya, dan hubungannya dengan Minangkabau, tanpa menyentuh soal alat-alat kebesaran dan juga adat-istiadat di raja dengan mendalamnya. Tidak juga dinafikkan yang beliau telah membuat sentuhan kepada soal-soal istiadat di istana, tetapi tidak begitu mendalam. Begitu juga dengan Dr: Nordin Selat, ada menyentuh soal itu, ada membincangkan tentang adat-istiadat, tetapi tidak secara mendalam dan terkhusus. Kalau kita mahu melihat akan perkembangan sejarah mulanya semua itu, memang gagal untuk ditemui didalam tulisan mereka itu.

Berdasarkan kepada keinginan penulis menonjolkan sesuatu yang dianggapnya penting itu, maka penulis mencuba untuk mendalami akan kajiannya ini, walaupun kalau dinilai kajiannya ini memang tidak bermutu mungkin, ini adalah disebabkan kurangnya bahan bertulis yang dapat dijadikan panduan. Hooker, Wilkinson juga Winsted, yang nampaknya berminat mengkaji sejarah Negeri Sembilan serta juga unit pemerintahan di Negeri Sembilan semesta, adat dan juga keadaan masyarakat.

Namun tidak ada dikhususkan kajian mereka keatas apa yang cuba dilihat oleh penulis, sentuhan itu memang terdapat dari mereka, tetapi tidak mengkhusus. Justeru itu penulis mahu mencuba.

Kalau diperhatikan, sememangnya alat-alat kebesaran yang disentuh itu berfungsi secara terus dengan adat-istiadat diraja itu, dan dikatakan juga bahawa tidak boleh sesuatu adat-istiadat itu dibuat tanpa penurunan dan juga penggunaan AAKK (alat-alat Kebesaran Kerajaan) itu. Begitu juga kepentingan alat-alat Kebesaran di Raja (telah disentuh) itu amat penting, apabila istiadat Pertabalan misalnya, kalau tidak ada alat-alat itu tidak boleh dijalankan istiadat itu, walaupun Dato'-Dato' Undang yang Empat itu serta Tengku Besar Tampin hadir didalam Istiadat tersebut (Lihat kenyataan Dato' Penghulu Dagang Adam Yusuf). Dan, dikatakan juga bahawa AAKK itu adalah melambangkan kebesaran dan keagungan di Raja, ini terdapat didalam fungsi AAKK itu didalam Kerajaan Negeri Sembilan. Begitu juga halnya dengan kerajaan Negeri Perak, Selangor misalnya, telah juga disentuh oleh penulis didalam kajiannya, dan akan ditemui didalam contoh-contoh perbincangan yang diutarakan oleh penulis.

Dalam usaha penulis melihat akan apa yang harus dikajinya, penulis begitu beruntung kerana mendapat sedikit sebanyak pertolongan dan bantuan dalam mengadakan bahan-bahan

rujukan bagi menjayakan kajian ini, misalnya kerjasama yang diberikan oleh Pihak Istana Besar Sri Menanti dan juga oleh Istana Hinggap di Seremban. Walaupun penulis terpaksa menemui orang-orang yang berkenaan yang betul-betul tahu didalam hal hal AAKK dan juga soal adat-istiadat ini, namun masih terdapatnya kekurangan yang seharusnya penulis sendiri tidak patut mengadakan semua itu, namun apa yang boleh dilakukan, kerja yang dibuat itu mengikut kemampuan penulis dan juga kerjasama dari pihak yang berkenaan.

Kebanyakan dan bolehlah dikatakan keseluruhan isi yang diperolehi oleh penulis adalah melalui temubual dengan Orang Empat Istana yang begitu menunjukkan rasa kerjasama dan keinginannya membantu, iaitu Y.M Dato' Penghulu Dggang Adam Yusuf yang tidak jemu memberikan pertolongan. Manakala Orang Empat Istana yang lain, sukar ditemui, kerana ada yang telah meninggalkan tempat itu, jarang-jarang sekali balik ke kawasan kajian penulis. Begitu juga dengan pertolongan dan bantuan serta sokongan moral yang diberikan oleh D.Y.M.M. Tuanku Yang di Pertuan Besar kepada penulis, sebanyak sedikit telah memberikan kejayaan kepada penulis. Berberapa buah buku yang boleh dijadikan bahan rujukan asas telah diberikan oleh D.Y.M.M. kepada penulis.

Dalam usaha mahu menjayakan lagi kajiannya ini, penulis berusaha untuk mendapatkan kebenaran dari pihak Istana dan juga Orang Empat istana yang bertanggung jawab keatas

AAKK yang tersimpan baik didalam BRS Istana Besar Sri Menanti. Dengan idzin mereka, penulis berjaya memeliti akan AAKK itu dengan mata kepala sendiri, berjaya mendapatkan satu bentuk pendekatan yang begitu mendalam keatas AAKK tersebut. Penulis telah berjaya mendapatkan ukuran, saiz, dan juga dapat melihat sendiri akan bentuk AAKK itu. Ini dapat membantu kajian penulis yang betul-betul kesuntukan bahan dan juga rujukan itu. Alhamdulillah, penulis telah dapat menulis mengenai AAKK itu berdasarkan penglihatannya dan juga melalui apa yang didapati dari responde yang ditemui, walaupun tidak ramai, tapi begitu memberikan kerjasama yang memuaskan kepada penulis. Namun, AAKDR yang dikatakan tersimpan didalam bilik peraduan Yam Tuan itu memang tidak boleh ditemui, dan dilihat.

Perbanding dengan penulisan penulis tentang adat-istiadat di Raja, mungkin juga terdapat sedikit kesilapan, ini disebabkan penulis tidak berpeluang melihat dan menghadziri istiadat itu, justeru itu dirasakan apa yang ditulis itu tidak begitu dapat menggambarkan satu bentuk yang rial(benar dan tulen), hanya berbandukan kepada tulisan dan juga kenyataan orang persaorangan yang ditemui. Kekurangan bahan-bahan bertulis juga membuatkan penulisan penulis ini tidak begitu baik kalau dinilaikan, lagi pun penulis tidak didedahkan dengan sesuatu yang dapat menyakinkan dan dapat memberikan gambaran yang sejelas-jelasnya, misal nya dalam soal adat-istiadat di raja yang dijalankan itu. Walaubagaimane pun, penulis merasa

bersyukur kerana diberikan sedikit sebanyak panduan dan juga kerjasama dari pihak-pihak yang tertentu dalam menjayakan kajian nya ini; diakui oleh penulis, bahawa kajiannya ini adalah banyak menemubual orang oersaorangan yang sama, banyak sekali pertemua-pertemuan yang di buat, dan juga penulis terpaksa membuat satu bentuk rumusan yang ringkas apabila sesuatu itu diberitahu oleh mereka, mengenai adat-isbiadat dan juga soal-soal AAKK itu. Banyak juga sumber bertulis, yang merupakan cenderamata yang tersimpan dalam tangan mereka diperolehi penulis, dan disamping penemuan yang didapati itu, maka penulis dapat menambahkan kajiannya itu dengan bukti dan keterangan yang diutarakan oleh tulisan-tulisan tersebut.

Mamun, dapatlah dikatakan, bagi kejayaan sesuatu penulisan itu mistilah disertai dengan bukti dan juga keterangan yang tepat dan kukuh, bukti yang banyak dan dapat menyakinkan penulis dan juga pembaca. Tetapi, kalau masalah sumber bertulis yang dihadapi, bagaimana satu-satu kajian itu dapat berdiri secara baiknya. Penulis mengakui, bahawa ia miskin dari segi bahan, ide, serta juga kebolehan menulis. Mamun kesyukuran juga dapat dilefaskan, kerana sebanyak sedikit penulis dapat menghabiskan kajiannya ini, tidaktergendala, tidak tergantung dipersimpangan, Allhamdulillah, syukur.

PENGHARGAAN:

Pertama-tamanya penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Sejarah, yang telah memberikan se

dikit masa bagi penulis menghabiskan dan menyelesaikan kajian dan penulisannya ini, kepada Yang Berbahagia Proff: Zainal Abidin Abdul Wahid selaku Ketua Jabatan Sejarah, telah memberikan sedikit masa bagi keseluruhan pelajar yang sama-sama menghadapi masalah seterusnya kepada semua tenaga pengajar di Jabatan ini yang memberikan kerjasama secara totalnya dalam hal ini.

Terimakasih yang tidak terhingga juga penulis mengucapkan kepada Penyelidik Kajian penulis, iaitu Yang di hormati Tuan Haji Wan Rusik Bin Wan Yusuf, kerana telah memberikan panduan, tunjukajar dan juga bimbingan kepada penulis dalam hal menjayakan kajian ini. Dengan kesediaan beliau yang ikhlas untuk meluaskan masa kepada penulis didalam membicarakan sedikit sebanyak kesulitan yang dihadapi oleh penulis, telah memberikan kejayaan kepada penulis untuk meneruskan kajiannya ini.

Ucapan terima Kaseh yang tidak terhingga juga kepada pehak Istana Besar Sri Menanti, dan juga Istana Hinggap Seremban, khususnya ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, iaitu DYMM Tuanku Jaafar, yang telah memberikan keidsinan kepada penulis untuk membuat kajian di Istana Besar Sri Menanti, dan juga bantuan dan sumbangan baginda dengan memberi pinjamkan bulu-buku kepada penulis didalam usaha ini, serta juga dengan kesudiannya ke Bawah Duli Tuanku kepada penulis untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di Istana dan juga Balai Rong Seri.

Penulis juga mengucapkan berbanyak-banyak Terima Kaseh kepada pehak-pehak persaorangan yang telah memberikan kerjasama kepada penulis untuk menjayakan kajian ini. Kepada Yang Mulia, Dato' Penghulu Dagang Adam Bin Yusuf, penulis begitu merakamkan ribuan Terima Kaseh kerana kesediaan dan kesudian beliau memberikan pertolongan yang bersungguh-sungguh kepada penulis. Juga seterusnya kepada Pehak Istana Besar Sri Menanti, khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Bijaya di Raja Haji Maulud, yang telah memberikan kerjasama kepada penulis dalam hal yang sama.

Seterusnya penulis merakamkan rasa terhutang Budi dan mengucapkan berbanyak-banyak Terima Kaseh kepada Incik Ismail Abu, seisi keluarga, kerana telah sudi memberikan sumbangan masa, tenaga dan juga tempat bagi penulis meneruskan kajiannya. Kepada keluarga seluruhnya, penulis mengucapkan ribuan terima kaseh kerana sama-sama memberikan kerjasama didalam menjayakan cita-cita penulis.

Terima kaseh yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Abdul Samad Idris, kerana kesudian beliau memberikan kepada penulis pinjaman beberapa buah buku yang berkaitan dengan kajian penulis. Serta juga terima kaseh diatas kesudian beliau untuk ditemutanya oleh Penulis dalam usaha ini.

Untuk pengakhir kata, pengakhir bicara dalam

pertemuan di dalam kajian ini dengan semua, Penulis ingin menyusun jari sepuluh tuk memohon keampunan dan kemaafan serta rasa dukacita, seandainya terdapat berberapa kesilapan yang mungkin tidak disedari, tanpa pengetahuan penulis didalam kajian ini. Penulis menyedari bahawa didalam setiap penulisan, keperluan kepada daya dan kemampuan berfikir yang lebih memang di pentingkan, justeru itu sebagai manusia biasa, yang bisa melakukan kesilapan serta silap perbicaraan, mohon maaf dari penulis. Seterusnya penulis berharap akan dapat meneruskan lagi usaha dalam bidang penulisan di masa-masa yang akan datang.

Sekian, Wasallammua'laikum w,b

Yunus Bin Rahmat.

Fakulti Sains Kemasyarakatan
Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi.Selangor.

Bab 1

PENGENALAN

1.1. Asal-Usul Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Adat-istiadat di Raja Melayu sebenarnya telah menjadi amalan sejak zaman berzaman lagi, tetapi semua itu sukar untuk ditentukan secara khusus asal-usulnya ia diambil, dengan kata lain dari mana adat-istiadat itu diambil. Soal pengaruh-mempengaruhi adalah satu persoalan pokok dan pasti tidak dapat dielakkan daripada menjalari satu-satu kebudayaan itu. Ini telah berlaku di dalam mana-mana kebudayaan pun. Kita telah difahamkan baik daripada pembacaan juga pembelajaran, baik secara formal mahupun informal, bahawa Alam Melayu ini sebenarnya telah diresapi oleh bermacam-macam pengaruh kebudayaan luar. Kebudayaan Hindu-Buddha, Ugama Islam, pengaruh Barat mitalnya British, yang manakesemuanya itu merupakan pengaruh-pengaruh yang terdapat di dalam kebudayaan kita di Alam Melayu ini.

Meninjau kepada pengaruh kebudayaan luar di dalam kebudayaan tempatan di tanah air kita di Alam Melayu ini, didapati pengaruh Hindulah yang merupakan satu-satunya pengaruh yang jelas meresapi kebudayaan atau adat-istiadat Melayu. Pengaruh ini adalah jelas di dalam institusi Raja-Raja Melayu yang rata-ratanya berkisar di dalam istana. Pada peringkat permulaannya dirasakan bahawa pengaruh-pengaruh luar itu (Hindu-Buddha) terlalu asing dan sukar

untuk kita menerima apalagi mengamalkannya. Oleh kerana masyarakat dahulu kala cuba mempraktikkannya dan mengamalkannya, jadi sesuatu yang dianggap luar dan asing itu kini telah sebati dengan jiwa orang-orang Melayu sendiri. Soal asimilasi akibat berlakunya proses adaptasi, dikalangan mereka tidak dapat dielakkan, justeru itu soal penapisan dari masyarakat berlaku. Masyarakat Melayu telah mengubah suai satu-satu adat-istiadat dari luar itu untuk diterima dan diamalkan. Semuanya itu tidaklah diterima secara bulat-bulat. Maknanya yang baik sahaja yang diterima, sementara yang kurang baik itu ditolak. Mithalnya Istiadat Bersanding didalam masyarakat Melayu (Islam), sebetulnya semua itu adalah pengaruh Hindu-Buddha, tetapi ia tetap diamalkan sehingga kehari ini.

Berdasarkan kepada faktor dan alasan itu difahamkan bahawa kumpulan adat-istiadat itu adalah sebahagian daripada kebudayaan orang-orang Melayu yang sejati. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa adat-istiadat serupa itu dipunyai oleh orang Melayu secara mutlak. Maknanya semua itu tidak dipinjam daripada adat-istiadat Hindu-Buddha dan sebagainya.

Terbukanya Melaka oleh Parameswara pada awal abad ke 15 itu adalah menandakan bermulanya era baru bagi Alam Melayu. Bertolak dari situ kini bermulalah satu peristiwa

yang bersejarah bagi Semenanjung Tanah Melayu. Rata-ratanya zaman kesultanan Melaka itu merupakan zaman kepahlawanan dalam tradisi riwayat kesultanan di Semenanjung Tanah Melayu yang kemudiannya mewarisi bukan hanya satu corak tradisi yang melahirkan nilai-nilai yang besar yang patut dibanggai.¹ Sesuatu yang tinggi dan bernilai itu diujudkan serentak bersama satu corak atau organisasi politik yang menjadi ke-megahan kepada unsur-unsur kebudayaan Melayu,² secara kecil-kecilan serta beransur-ansur. Hasilnya sultan-sultan Melaka semenjak dahulu telah melahirkan satu sistem kerajaan dan pemerintahan yang seakan-akan sama dengan apa yang wujud di-Barat Indonesia.³

Perihal kemunculan, keagongan dan kejatuhan Melaka adalah terakam di dalam satu-satunya hasil sejarah yang bolih dibanggakan iaitu buku Sejarah Melayu (The Malay Annals). Ia mencatatkan perihal kesultanan Melaka yang juga merupakan satu-satunya buku yang terawal mencatatkan soal-soal sejarah Melayu.⁴ Di situ sultan digambarkan sebagai satu institusi politik di mana sistem ini berpusat kepada seorang raja atau pemerintah yang bergelar Sultan yang diwarisi daripada baka

1. J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, Hal. 36.

2. Ibid, Hal. 11.

3. Ibid, Hal. 12.

4. Ibid, Hal. 37.

lelaki dan mempunyai kuasa mutlak, juga kekuasaannya itu di sokongbantu oleh sebahagian sifat-sifat ketuhanan yang ada pada Dinasti-Dinasti Hindu yang terawal daripada ini. Bagi kebudayaan Hindu-Buddha, Raja itu dianggapkan sebagai wakil Tuhan, dan adalah dikatakan sebagai keturunan Dewa-Dewa. Urusan pemerintahan adalah dijalankan oleh satu organisasi lain, iaitu dikalangan para menteri daripada golongan Bangsawan, mereka ini bukan dari keturunan Raja (berdarah Raja) tetapi adalah keturunan rakyat biasa. Antara pegawai-pegawai negeri yang penting disini ialah, Bendahara, Temenggong, Penghulu, Bendahari, Menteri (Setiausaha Negeri), juga Shah Bandar.⁵ Berdasarkan kepada sistem inilah Negeri-Negeri Melayu Beraja di Semenanjung Tanah Melayu ini, menjalankan pemerintahan mereka, walaupun kedapatan perbedzaan didalam beberapa hal yang tertentu. Ini jelas mithalnya bagi Negeri Sembilan, adalah menjalankan sistem Pemerintahan yang berlainan dari negeri-negeri Melayu Beraja yang lain. Negeri Sembilan ialah satu-satunya negeri yang mengamalkan Sistem Adat Perpateh, dan pemerintahnya bergelar Yang Di Pertuan Besar.⁶

Secara tidak langsung, ini juga adalah berkait rapat dengan Sistem Politik Melayu di Zaman Tradisi yang boleh ditinjau menerusi aspek-aspek sosio-budaya - soal

5. J.M. Gullick, op.cit, Hal. 11.

6. Amalan ini dikekalkan oleh British seperti yang terkandung dalam Art. 10 Perlembagaan Negeri Sembilan.

sistem nilai, falsafah dan pandangan hidup, interaksi sosio-budaya, faktor keturunan dan sebagainya. Politik Melayu Tradisi dilihat sebagai satu proses yang dinamik, bergerak dan hidup sejak dari zaman Kerajaan-kerajaan yang berpusat di Sumatra, Singapura, ke Melaka membawa ke Johor dan seterusnya dalam zaman hampir dengan kedatangan Inggeris. Melihat juga kepada keadaan masyarakat yang terbuka luas kepada berbagai-bagai pengaruh, dari sejak ianya dikatakan menerima pengaruh Hindu, yang sebelum itu didakwa menganut fahaman Anamisma yang kemudiannya menerima kedatangan agama Islam.

Sebetulnya Sistem Politik Melayu Tradisi ini adalah berterusan, mithalnya bertolak daripada sistem politik yang kukuh di Kepulauan Melayu(Nusantara) bermula dengan Kerajaan Sri Wijaya.⁷ Kejatuhan Sri Wijaya diikuti pula dengan **kenaikan** kerajaan Melayu Melaka.⁸ Selepas kejatuhan Melaka ditangan orang-orang Portugis, turunan Melaka mengasaskan kerajaan Melayu yang baru di Johor. Penerusan dan penerimaan sistem politik ini oleh masyarakat Melayu Nusantara banyak sekali bergantung kepada penerimaan masyarakat terhadap kewibawaan dan kekuasaan golongan istana. Kewibawaan dan kekuasaan yang diujudkan, dipelihara dan dikukuhkan dengan mengaitkan dengan unsur-unsur askripsi golongan pemerintah, khusus

7. Kemungkinan juga telah wujud satu kerajaan yang lebih awal, namun kajian-kajian setakat ini menunjukkan kerajaan Sri Wijaya merupakan kerajaan yang kukuh yang mula mula bertapak secara lengkap.

8. W.Linehan, "The Kings of 14th Century, Singapore", JMBRAS, vol. xx, Pt. II, Dec., 1947.

nya diri Raja itu sendiri.

Ramai juga penulis telah menyentuh tentang persambungan dan pengaruh yang diterima oleh Melaka dari Kerajaan Melayu Melaka dari Kerajaan Sri Wijaya, terutama aspek Ritual dan unsur-unsur Hindu. Winsted dalam banyak tulisan selalu menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan perkara ini.⁹ Bahkan beliau menekankan bahawasanya pengaruh Hindu itu terlalu kuat dalam kehidupan Melayu secara keseluruhannya.¹⁰ Walau bagaimanapun banyak pendapat mengatakan bahawa Kerajaan Melayu Melaka itu sebenarnya telah ditubuhkan oleh putera raja keturunan Kerajaan Melayu Palembang (Sri Wijaya-Sumatra). Gullick menyatakan bahawa putera raja itu terlebih dahulu menubuhkan kerajaan di Temasik; kemudian Melaka yang dianggapnya sebagai satu peristiwa yang memulakan satu unit sistem politik bumiputera di Semenanjung.¹¹ Pengaruh Kesultanan Melaka atas negeri-negeri Melayu lain selepas kejatuhan Melaka juga adalah besar.¹² Disamping itu Khoo Kay Kim menegaskan,

There is a tendency for students of Malay history to overrate the influence of Malacca on the other Malay states. In view of the fact that the founder of Malacca himself originated from Sumatera, it is more probable that many of the political institution in the Peninsula in fact derive from Sumatera.¹³

-
9. R.O Winsted, The Malay A Cultural History, Routledge and Kegan Ltd., London, 1961, Hal. 63-90, yang sentiasa mencari-cari perkaitan dengan Hindu, Raja disamakan dengan konsep Shaman.
10. R.O Winsted, Malay Proverbs, Wisdom of The East Series, John Murray Ltd., London, 1957, Hal. 2-8.

Kemungkinan juga bagi Khoo mengatakan bahawa boleh jadi Melaka mengilhamkan pembentukan setengah-setengah institusi politik dalam negeri-negeri lain di Semenanjung dengan sedikit sebanyak variasi tempatan.¹⁴

Perkembangan gambaran mengenai diri raja berkait rapat pula dengan arus sejarah dan aliran pengaruh yang diterima oleh rantau ini sejak dari Kerajaan Sri Wijaya sehinggalah pada perengkat masa seterusnya. Gullick ada mencatatkan, "The apex of the political system of each states was the ruler called Yang Di Pertuan (He who is lord), Raja (Hindu Ruler) and Sultan (Arabic Ruler)," ¹⁵ yang menunjukkan adanya perkembangan konsepsi kedudukan Yang Di Pertuan diri seorang yang beragama Hindu dan kemudian Islam. Selaras dengan pengaruh agama dan kebudayaan yang telah melanda masyarakat dan telah mendapat tempat pula didalam masyarakat umum dalam bidang kehidupan yang menyeluruh, demikian juga halnya dengan gambaran pengaruh yang diberikan serta pengaruh yang diterima oleh kalangan pemerintah khususnya diri sultan sendiri. Kedudukan Nusantara yang terbuka kepada pengaruh Hindu, Buddha, Islam dan kemudiannya Barat meninggalkan kesan terhadap sistem nilai dan khususnya kebudayaan

-
11. J.M Gullick, Indegenous Political Systems of Western Malaya, The Athlone Press, London, 1958, Hal. 7.
 12. Ibid, Hal. 9
 13. Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, Hal. 1.
 14. Ibid, Hal. 1
 15. J.M Gullick, Indigenous Political System...., Hal 44.

Melayu sendiri. Unsur-unsurn pengaruh kebudayaan yang berbe-
gai-bagai itu masing-masing berperanan mencorakkan manusia
dan kebudayaan Melayu.¹⁶ Ini adalah berlaku semasa kemuncul-
an Kesultanan Melayu Melaka yang begitu agung dan kukuh se-
pertimana yang digambarkan oleh Sejarah Melayu itu. Kalau
menyoroti segi sejarahnya, Melaka dikatakan tidak kurang
dari segi pengaruhnya juga kuasa, dimana dikatakan Melaka
pernah menguasai dan menakluki hampir semua Kerajaan Melayu
di Semenanjung dan juga di Pantai Timur Sumatera. Kemungkin-
an juga pengaruh nya ini meresapi sehingga ke Negeri Sembil-
an, dimana dimasa itu Negeri Sembilan adalah dibawah naung-
an Kerajaan Negeri Johor.¹⁷

Walaubagaimana pon, Negeri Sembilan itu dikatakn
berlainan dari, negeri-negeri Melayu di Semenanjung yang lain.
Ini adalah disebabkan Negeri Sembilan adalah dibawah kekua-
saan Yang Di Pertuan Besar (Yam Tuan) yang pada dasarnya
adalah merupakan pemerintah yang dijemput khas dari Tanah
Sumatera, iaitu dari Kerajaan Pagar Ruyung.¹⁸ Masyarakat di
Negeri Sembilan pula adalah mengamalkan satu Sistem Sosial
yang berasaskan kepada Sistem Adat Perpateh¹⁹, dimana kelom-
pok-kelompok sosial hidup secara kolektif, bergotong royong,
dan kerjasama. Yang mengamalkan sistem ini adalah rata-rata

16. Ini adalah jelas dirasakan didalam Zaman Kesultanan
Melayu Melaka, dimana Melaka jadi tumpuan semua unsur
kebudayaan dari merata ceruk rantau.

17. Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan Dan Sejarahnya,
Utusan Melayu Bhd. Kuala Lumpur, 1968, Hal 9.

18. Ibid, Hal. 20.

nya masyarakat yang datang daripada Sumatera yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan di Negeri Sembilan. Bentuk pemerintahan di Negeri Sembilan dikatakan unik disegi adat istiadat masyarakatnya, iaitu masyarakat adat Perpatih. Sementara pemerintahan rajanya yang diketuai oleh Yamtuan adalah sama caranya seperti negeri-negeri Melayu yang lain. Kelainan di Negeri Sembilan cuma dari segi amalan adat oleh masyarakat bawahan yang mengamalkan adat Perpatih itu, sementara tidak berlaku pada masyarakat istana²⁰. Berdasarkan kepada teorinya, seseorang bakal Yamtuan mestilah dari waris benih dan tanah, atau anak gahara,²¹ yang tertua bersama ibu dari orang biasa "waris beneh"²² (keterangan lanjut sila rujuk di bahagian Istiadat Pertabalan Yamtuan).

Berdasarkan kepada cara pemilihan Yamtuan di Negeri Sembilan ini telah juga berlaku sedikit kepincangan di masa lalu. Ini jelas berlaku kepada Yamtuan Negeri Sembilan ke sebelas iaitu DYMM Tuanku Jaafar Ibni Al Marhum Tuanku Abdul Rahman yang dikatakan bukan anak gahara²². Walau bagaimana pun perlantikan dan pemilihan ini telah di restui oleh ke empat-empat Dato' Undang Luak serta Tengku Besar Tampin.

19. Suatu perkara yang menarik mengenai hukum Adat Perpatih itu, disamping ia terkumpul di dalam Perlembagaan, ia juga sekarang ini merupa satu asas bagi pentadbiran.

20. Keterangan Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusuf di-pertemuan pada 26.10.1978.

21. Ibid.

22. Ibid.

Menyentuh soal pengaruh Kesultanan Melaka ke Negeri Sembilan, bagi penulis tidak dapat dinafikan. Kita lihat struktur di dalam istana telah dapat meyakinkan kita bahawa sistem beraja atau sultan itu telah pun wujud. Walau pun Negeri Sembilan tidak bergelar Sultan pemerintahnya itu namun nama Yang Di Pertuan Besar yang menjadi pemerintah, di dalam perbilangan adat disifatkan sebagai "keadilan" - menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesai dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat di dalam masyarakatnya²³. Paling penting peranan baginda adalah lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja dan struktur ini juga berfungsi sebagai "pendamai". Dikatakan juga sistem yang diamalkan ini ada persamaan dengan sistem beraja di Negeri-negeri Melayu yang lain, misalnya Perak, Pahang, Kedah dan lain-lain.

Melihat sedikit catatan adat istiadat di zaman Kesultanan Melayu Melaka, kepentingan sejarah Melayu²⁴ itu tidak dapat kita nafikan. Pun telah disentuh oleh penulis terdahulu dari ini, dikatakan bahawa Sejarah Melayu itu merupakan sumber yang dapat dijadikan panduan untuk mengetahui soal-soal kebudayaan Melayu di abad ke empat belas dan ke lima belas. "Sulatul-Salatin" yang membawa makna "peraturan

23. Nordin Selat, Dr., Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur, 1976, Hal. 55.

24. Sejarah Melayu ialah satu-satunya karya yang bercorak pensejarahan Melayu yang dihasilkan di zaman Kesultanan Melayu Melaka (1401 - 1511).

segala Raja-raja" dapat memberi pemahaman kepada pembaca semua di mana di dalamnya telah tertulis lebih separuh daripada Sejarah Melayu yang menggambarkan soal-soal kebesaran raja-raja dan kebesaran sejarah Melayu Melaka sendiri sejak zaman pembukaannya oleh Parameswara dalam tahun 1402 hingga ke zaman kejatuhannya di tangan Portugis pada tahun 1511.

Sejarah Melayu juga seterusnya ada mencatatkan gambaran raja yang mula-mula meletakkan adat istiadat takhta kerajaan Melayu Melaka, di mana Sejarah Melayu menyebut,

"..... Raja Besar Muda lah²⁵ memerintah istiadat takhta kerajaan baginda, shahadan bagindalah yang pertama berbuat menteri mengajar orang di balai, mengadakan bentara empat puluh, berdiri di ketepakan balai akan menjunjungkan titah raja dan menyampaikan sembah sekalian orang ke bawah duli baginda dan bagindalah yang menjadikan tuantuan biduanda kecil akan suruh-suruh raja membawa segala alat-alat²⁶ raja barang ke mana dan barang sebagainya"

Jika dibuat perbandingan dengan tulisan Hukum Kanun Melaka, kedapatan nama raja yang meletakkan kerja-kerja dalam hal adat istiadat di situ agak berlainan. Tidak dapat dinafikan bahawa adat istiadat itu telah bermula sejak awal-awal penubuhan Kesultanan Melayu Melaka.

25. Raja Besar Muda ialah putera Sultan Iskandar Shah, Sultan Melaka yang pertama.

26. Shellabear, W.G. (ed.), Sejarah Melayu or The Malay Annals, Publishing House, Ltd, Singapura, 1954, Hal. 60.

Catatan di dalam Hukum Kanun Melaka dapat dilihat seperti,

".....datang kepada zaman Sultan Iskandar Shah, ialah Raja yang pertama masuk ugama Islam dan menatahkan adat dan perintah negeri turun temurun"27.

Jelas di situ terdapat sedikit perselisihan dalam gelaran (nama) yang bertanggung jawab dalam hal menetapkan adat istiadat di Raja di istana antara kedua-dua tulisan itu. Namun seperti yang dijelaskan tadi, adat istiadat itu telah pun bermula sejak penubuhan Kesultanan Melayu Melaka, dan bentuk adat itulah yang diamalkan oleh sultan-sultan atau raja-raja di zaman ini. Kemungkinan juga terdapat perbezaan yang lain yang lebih jelas antara kedua-dua tulisan itu. Namun soal pokoknya ialah asal mula adat itu diperturunkan di kalangan raja-raja dahulu. Maknanya bagi orang-orang Melayu baik dahulu^u maupun sekarang adalah mempercayai dengan begitu yakin bahawa segala adat istiadat yang diamalkan oleh mereka di dalam golongan di Raja adalah bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Untuk kesimpulannya bolehlah kita merumuskan mengenai soal asal usul adat istiadat raja-raja Melayu, di Alam Melayu ini yang mana masih diamalkan oleh raja-raja di masa ini adalah berasal daripada adat istiadat raja-raja Melaka. Soal perbezaan cara pelaksanaan adat istiadat itu

27. Risalah Hoekoem Kanoen, Jaitoe Oendang-Oendang Melaka, Niv Boekhandel en Drukkerji voor heen E.J. Brill, Leiden, 1919, Hal.2.

di masa ini telah banyak berubah, mungkin bertujuan untuk lebih memudahkan lagi pelaksanaan adat istiadat itu. Ciri-ciri perbedaan ini mungkin jugat terdapat di kalangan negeri-negeri yang beraja. Semua itu tidak dapat dinafikan berlakunya pengubahsuaian mengikut keadaan masa dan tempat. Terdapat juga semua adat istiadat yang dahulu itu dilaksanakan tanpa diubahsuaikan, ini mungkin bertujuan untuk mengekalkan sesuatu yang dianggap berfaedah bagi pihak istana, misalnya untuk melambangkan kebesaran dan keagungan seseorang raja itu. Dapatlah dikatakan bahawa segala adat istiadat raja-raja Melayu berasal dari Kerajaan Melayu Melaka. Walaupun di Negeri Sembilan rajanya dijemput/ berasal dari anak raja Pagar Ruyung, Sumatera, namun fungsi baginda itu sama dengan raja-raja yang lainnya di Semenanjung Tanah Melayu. Agak wajar kalau dikatakan bahawa pengaruh kebudayaan Hindu-Buddha, Islam maupun Barat telah meresapi masyarakat istana. Ini berlaku baik di Semenanjung Tanah Melayu maupun pada kerajaan-kerajaan Melayu di timur Sumatera.

1.2. Negeri Sembilan sebelum beraja (Sejarahnya) dan Salasilah Raja-raja di Negeri Sembilan.

Keadaan Fizikal

Negeri Sembilan terletak di Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Selangor di utara, Pahang di timur serta Melaka dan Johor di selatan. Keluasannya kira-kira 2565 batu

persegi. Bahagian yang terpanjang sekali dari utara ke selatan ialah 60 batu sementara dari timur ke barat ialah 65 $\frac{1}{2}$ batu. Banjaran pergunungan tengah Semenanjung Malaysia ini melalui Negeri Sembilan menjadikan kawasan tengah dan barat laut negeri ini berbukit-bukit. Sungai Linggi, sungai yang utama di negeri ini bermula dari pergunungan di utara Seremban iaitu dari puncak Gunung Telapak Buruk setinggi 3915 kaki. Negeri Sembilan juga mempunyai kawasan pantai sepanjang 30 batu. Port Dickson yang terletak 25 batu ke barat laut Seremban merupakan salah satu daripada kawasan-kawasan pantai yang terkenal di Semenanjung Malaysia sebagai tempat perkelahan yang baik. Di Port Dickson juga terletak Ibu Pejabat dan Pusat Latihan Askar Melayu Dipaja Malaysia.

Iklim di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa pada bulan-bulan Mac, April dan Mei merupakan sebagai bulan-bulan di mana suhu panas tinggi, dengan 90°F sebagai peringkat panas yang maksima. Pada bulan-bulan Disember dan Januari pula hawa akan menurun menjadi sejuk, hingga serendah-rendahnya 76°F. Purata hujan di negeri ini ialah 80 inci hingga 100 inci. Walaupun begitu, Jelebu adalah dianggap sebagai daerah yang terkering sekali di Semenanjung Malaysia yang purata hujannya 65 inci setahun.

Negeri Sembilan dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran, masing-masing diketuai oleh seorang Pegawai

28. Lihat Cenderamata Minggu Sejarah Negeri Sembilan, April 1974.

Daerah. Enam Daerah ini ialah Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Rembau, Port Dickson dan Tampin. Kalau didalam bentuk pentadbiran Tradisi, daerah-daerah ini dinamakan Luak yang diketuai oleh Dato' Undang Luak yang Empat, iaitu merangkumi Luak Sungai Ujung, Luak Jelebu, Luak Johol dan Luak Rembau mana kala luak-luak yang lain itu diketuai oleh Penghulu.²⁹ (Lihat penerangan lanjut selepas ini).

Sejarah Awal Negeri Sembilan.

Menurut pendapat New Bold, Negeri-negeri yang di panggil Negeri Sembilan itu ialah, Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujung, Jelebu, Rembau, Kelang, Jelai dan Ulu Pahang³⁰. Martin Lister juga mengajukan pendapat yang sama dengan New Bold dalam menentukan negeri-negeri yang terangkum didalam Persekutuan Negeri Sembilan itu, walaupun beliau menggantikan Ulu Pahang itu dengan Pasir Besar³¹. Manakala lain-lain orientalis pula mengatakan bahawa Naning itu juga termasuk kedalam Negeri Sembilan, mereka ialah Para & Mackray, Nathan and Winsted.³²

Soal bilakah Negeri Sembilan yang dimaksudkan itu wujud, dan ditubuhkan tidaklah dapat dipastikan dengan tepatnya. Oleh kerana Negeri Sembilan itu merupakan sebuah Negeri yang Bersekutu, maka ia mistilah wujud selepas kewujudan

29. A. Aziz Salleh, Sejarah Linggi Antara TM 1800-1874, Latehan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, Hal. 24.

30. New Bold, T.J., British Settlements In The Straits of Malacca, vol. 11, Oxford University Press, London, '71, Hal. 78.

Luak-luak³³ dibawahnya. Mengikut pendapat New Bold juga bahawa Rembau telah dihuka dalam tahun 1388.³⁴ Manakala Sejarah Melayu yang disusun dalam tahun 1612 itu, langsung tidak ada menyentuh mengenai Negeri Sembilan didalam penulisan nya itu. Berdasarkan kepada sumber-sumber Portugis yang awal seperti didalam "Description of Malacca" yang ditulis oleh Emmanuel Godinho de Fredic (1613) terdapat catetan tentang wilayah yang bersempadan dengan Melaka, atau Johol dan Rembau. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa berberapa Luak didalam Negeri Sembilan ini memulakan sejarah pembukaan sebelum abad ke 17, Luak Tanah Mengandung mithalnya. Ini jelas berdasarkan kepada tarikh pembentukan Persekutuan Luak Luak yang dinamakan Negeri Sembilan itu adalah berdasarkan kepada tarikh permulaan Institusi Yang Di Pertuan (Yam Tuan) di Negeri Sembilan ini.³⁵

-
31. Lister. M., "The Negeri Sembilan; their Origin and Constitutions", Journal of The Royal Asiatic Society-Straits Branch (JSBRAS), vol.19, Singapore, 1887, Hal.39.
 32. Dol Bahar Bin Mohd, Berberapa Aspek Hukum Adat dan Pentadbiran di Naning (1900-1941), Latehan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 1973, Hal. 20.
 33. Luak-Luak, - ialah unit kawasan pentadbiran dari segi adat. Mengikut pentadbiran dari segi adat itu, daerah Kuala Pilah mithalnya, adalah terbahagi kepada enam Luak, iaitu, Luak Johol, Luak Inas, Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir, Luak Terachi, Luak Jempol. Dari segi Idealnya terdapat lima atau enam suku dalam satu-satu Luak itu, dan tiap-tiap Luak pula di Dominasikan oleh Suku Biduanda yang kebanyakannya memegang jawatan ketua-ketua Adat.
 34. New Bold, Op.cit, Hal. 77.
 35. Nordin Selat, Op.cit, Hal. 58.

Dikatakan bahawa dalam tahun 1677 orang-orang di daerah 'Minangkabau' dibahagian Utara Melaka, telah menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung, Sumatera untuk menjadi Raja mereka.³⁶ Jemputan itu dilakukan oleh kerana Sultan Johor pada masa itu yang menaungi Luak-luak di Negeri Sembilan itu tidak lagi dapat menjalankan satu bentuk pengawasan dan pemerentahan yang baik di Negeri Sembilan. Ini adalah disebabkan Negeri Johor pun pada masa itu didalam keadaan yang huruhara dan kacau. Negeri Johor telah pun ditewaskan oleh Kerajaan Jambi yang berpusat di Sumatera³⁷.

Mengikut sejarah Institusi Yam Tuan di Negeri Sembilan, raja yang pertama ialah Raja Melewar. Baginda mula menjadi Raja berperlembagaan mulai tahun 1773³⁸. Merujuk kepada tarikh itu dapatlah kita katakan bahawa sistem pentadbiran telah "established" di Negeri Sembilan sebelum abad ke 17 lagi. Menyentuh soal Persekutuan Negeri Sembilan ini, ada juga kemungkinan yang Negeri Sembilan itu (Negeri Sembilan yang asal), telah muncul bila anak Raja dari Pagar Ruyung menjadi Raja di Daerah itu. Akan tetapi jelas dilihat bahawa persekutuan Luak-luak itu masih lagi didalam keadaan yang longgar. Hanya didalam tahun 1773 Negeri

-
- #6. Buyung Adil, Sejarah Alam Melayu V, Department of Education, 1949, Dipetrek oleh Mohd Dahlan Hj: Aman, Pentadbiran Adat ke atas Sistem Tanah di Naning (Melaka), (Latehan Ilmiah B.A., U. Malaya, K. Lumpur, 1968), Hal 20.
37. Buyung Adil, Op.cit, Hal. 21.
38. Nordin Selat, (Dr)., Op.cit, Hal. 58.

Sembilan Yam Tuan (Yang di Pertuan Besar) yang Pertama.

Dengan demikian bolehlah dirumuskan bahawa Negeri Sembilan yang asal itu belum lagi wujud sebelum tahun 1682, dan tiada pula mungkin wujud selepas tahun 1773. Negeri Sembilan yang asal itu sebenarnya sudah wujud antara tahun-tahun 1682 dan tahun 1773³⁹.

Masyarakat Negeri Sembilan adalah keturunan dari dua pehak. Pertama ialah keturunan orang asli yang dipanggil Sakai, Semang, Jakun manakala yang keduanya pula ialah keturunan daripada golongan penghijrah daripada Minangkabau dan juga Melaka⁴⁰. Hasil perkahwinan golongan penghijrah dengan penduduk tempatan (orang asli) tadi, maka terbentuklah masyarakat yang dipanggil Suku⁴¹ Biduanda. Manakala penghijrah yang datang dari Melaka itu berkahwin pula dengan orang asli tempatan, membentuk kelompok masyarakat yang dipanggil Suku Anak Melaka. Orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan yang dulunya, adalah tergolong didalam Suku Batu Hampar, Paya Kumbuh dan lain-lain itu; ini berlaku disebabkan mereka tidak menjalani proses perkahwinan dengan masyarakat tempatan.⁴²

-
39. Zainal Kling, Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah, Melaka, (Latehan Ilmiah B.A., U.Malaya, K.Lumpur, 1966, Hal. 9
40. New Bold, Op.cit, Hal. 8.
41. Suku: - Berberapa Perut membentuk Suku, ia merupakan unit keluarga, yang mempercayai mereka itu datang dan berasal dari satu keturunan yang sama. Anggota lelaki menganggap perempuan itu saudara (dalam sukunya), dan sebaliknya juga, - kahwin sesama suku tidak boleh.
42. Dol Bahar Mohammad, (Latehan Ilmiah B.A., Op.cit,) Hal. 23

Menurut kata Haji Buyung Adil lagi, sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kedatangan orang Minangkabau ini ke Negeri Sembilan ~~itu~~ ialah di Zamana Kerajaan Melayu Melaka, iaitu pada abad ke 15.⁴³ Tidak juga dapat dinafikan ada pendapat yang mengatakan yang mereka itu datang ke Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Negeri Sembilan sejak abad ke 14 lagi; Manakala Alex Hamilton pula menegaskan bahawa semasa beliau mengunjungi Melaka pada tahun 1700, berpendapat bahawa orang-orang ulu yang memusuhi orang putih kerap kali menyerang dan merusakkan tempat-tempat yang diduduki oleh Belanda, orang ulu itu adalah keturunan daripada suku bangsa Minangkabau yang telah tinggal disana sebelum Portugis datang ke Melaka pada awal abad ke 16. Mereka menamakan orang ulu itu sebagai "Monacobboos"⁴⁴.

Negeri Sembilan, yang mana penduduk asalnya itu terdiri daripada masyarakat Asli (orang Asli), telah dipengaruhi oleh kelompok-kelompok orang Minangkabau yang lebih bertamaddun, datang meneroka lantas bersemenda menyemenda (berkahwin) dengan penduduk tempatan ~~itu~~, telah pada akhirnya mengujudkan apa yang dipanggil Negeri Sembilan yang terdiri daripada beberapa buah luak itu⁴⁵. Rata-ratanya masya-

43. Buyung Adil, Op.cit, Hal. 23.

44. Rasjid Manggis, M., Dt Radjo Panghoeloe, Negeri Sembilan Hubungannya dengan Minangkabau, Padang Panjang, Augus, 1970, Hal. 81.

45. Ibid, Hal. 84.

rakat di Negeri Sembilan ini terdiri/terbahagi kepada 12 Suku yang pada keseluruhannya mendiami Luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan itu. Suku-suku itu ialah, Suku Biduanda, Batu Hampar, Tanah Datar, Tiga Batu, Sri Lemak, Sri Melenggang, Paya Kumbuh, Mungkal, Batu Belang, Tiga Nenek, Anak Aceh dan Anak Melaka.⁴⁶ Pada dasarnya setiap Luak yang ada itu didiami oleh sebanyak empat suku, tetapi pada praktiknya ini tidak tepat.

Mengikut catatan Dr. Nordin Selat, Negeri Sembilan itu boleh dibahagikan kepada 14 Luak, ~~atau~~ terdiri daripada; 1. Luak Sri Menanti, 2. Tampin, 3. Sungai Ujung, 4. Jelebu, 5. Johol, 6. Rembau, 7. Ulu Muar, 8. Jempol, 9. Terachi, 10. Gunung Pasing, 11. Inas, 12. Gemencheh, 13. Air Kuning, dan 14. Linggi⁴⁷. Diantara 14 buah Luak itu, ada empat Luak yang dianggap paling utama, iaitu; Luak Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau yang masing-masing di bawah ketua mereka iaitu Dato' Undang Luak yang Empat, manakala Luak Tampin dibawah pengawasan Tengku Besar Tampin. Mereka ini adalah mempunyai status yang sama. Juga dikatakan, bahawa ketua bagi Luak-luak yang lain itu ~~adalah~~ bergelar Penghulu⁴⁸ dan ketua bagi Sri Menanti yang bergelar Tanah Mengandung itu ialah Yang Di Pertuan Besar⁴⁹.

46. Nordin Selat, (Dr), Op.cit, Hal. 56.

47. Ibid, Hal. 55.

48. Ibid, Hal. 55.

49. Ibid, Hal. 55.

Menyentuh tentang gabungan antara sembilan buah Luak yang disebutkan oleh New Bold dan lain-lain itu, yang menggabungkan diri membentuk Negeri Sembilan itu, Dato' Abdul Samad Idris sewaktu ditemui oleh Penulis lebeh berse tuju mengatakan pembahagian pada tahun 1895 itu lebeh tepat. Pembahagian itu telah dibuat dan telah pon dikekalkan hingga sekarang ini dimana Negeri Sembilan yang sebenarnya adalah merangkumi, Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Inas, Rembau Tampin, Ulu Muat, Jempul, Terachi dan Gunung Pasir⁵⁰. Jadi nya, gabungan kesembilan buah Luak itu membentuk Negeri Sembilan adalah merupakan gabungan secara longga beberapa unit kekuasaan politik⁵¹.

Dalam hubungan ini, satu perkara yang harus dise dari ialah, pengertian "negeri" bagi Negeri Sembilan itu bukanlah sebagai satu unit pentadbiran sebagai "state", melainkan sebagai "luak", sama seperti apa yang diertikan di Tanah Minangkabau.⁵² Perkataan Negeri yang diawal nama Negeri Sembilan itu adalah berasal dari perkataan orang Minangkabau yang disebut menurut pelatnya sebagai "Nagari", ini disebabkan Negeri Sembilan itu telah dibuka oleh Orang Minangkabau.⁵³

50. Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, Hal. 17. Kenyataan ini juga diberikan oleh beliau kepada penulis, sewaktu beliau ditemui di Pejabatnya (KKBS) pada 25.9.1978.

51. Lihat Cenderamata Hari Sejarah, Op.cit,.

52. Ibid.

53. Samad Idris, Op.cit, Hal.7

Seperti apa yang telah disebutkan terdahulu daripada ini, iaitu Negeri Sembilan dimasa dahulu adalah di bawah kekuasaan Sultan Johor. Namun, ^{demiikian} apabila Negeri Sembilan telah memulakan pentadbirannya menerusi Institusi Yam Tuan, pada tahun 1773, maka Negeri Sembilan telah pun dibebaskan dari Kerajaan Johor. Ini tidak bermakna hubungan antara kedua-dua buah kerajaan itu terputus atau naungan Johor ke atas Negeri Sembilan itu ditamatkan.⁵⁴ Ada perbilangan yang menunjukkan bahawa Negeri Sembilan ini mempunyai kaitan dan hubungan yang erat dengan Kerajaan Negeri Johor, jelas digambarkan oleh perbilangan;

Beraja ke Johor,
Bertali Kesiak,
Bertuan ke Minangkabau⁵⁵.

Institusi Yam Tuan di Negeri Sembilan bermula apabila seorang anak Raja dari Tanah Minangkabau, dari Kerajaan Pagar Ruyung, bernama Raja Melewar telah dijemput oleh pembesar-pembesar dan penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan untuk menjadi Raja Mereka⁵⁶. Berdasarkan kepada kenyataan Dato' Abdul Samad, semua itu adalah berlaku pada tahun 1773, dimana Yam Tuan Melewar diangkat menjadi Yam Tuan Negeri Sembilan yang pertama, dan bertolak dari tarikh itu jugalah Persekutuan Negeri Sembilan itu terwujud⁵⁷. Apakah itu yang sebenarnya, maseh diragukan oleh semua pihak.

54. Kenyataan dari Dato' Abdul Samad Idris, dalam pertemuan yang sama dengan penulis.

55. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal.19-20.

56. Ibid, Hal. 22.

57. Ibid, Hal. 11.

Negeri Johor dimasa itu adalah dibawah kekuasaan Sultan Abdul Jalil Ibni Dato' Bendahara Tun Abad, telah tidak dapat mengendalikan suasana kacau yang berlaku didalam Negeri Johor. Justeru itu, untuk lebeh memudahkan lagi pentadbiran didalam Negeri Sembilan yang dikendalikan oleh Dato'-Dato' Penghulu dan Dato'-Dato' Undang Luak itu, maka Negeri Sembilan diberikan kebebasan mencari seorang pemerintah mereka. Tambahan lagi dimasa itu Negeri Sembilan juga telah diganggu oleh anak-anak Raja Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja.⁵⁸ Orang-orang Negeri Sembilan yang disaat itu majoritinya terdiri daripadamorang-orang Minangkabau telah dipaksa oleh mereka (anak-anak Raja Bugis) mengakui Daeng Kemboja sebagai Raja mereka. Orang Negeri Sembilan yang telah sedia di perintah oleh Dato'-Dato' Penghulu Luak yang diiktiraf oleh Sultan Johor sebagai ketua itu (setelah di anugerahkan dengan Chap-Mohor) tidak mahu mengakui Daeng Kemboja sebagai Raja mereka.⁵⁹

Orang-orang Negeri Sembilan yang setia kepada ketua-ketua Luak mereka juga Sultan Johor itu telah bermua fakat untuk mengadap Sultan Johor. Tujuan mereka ialah untuk mendapatkan seorang anak raja dari Pagar Ruyung, di Sumatera. Lantas angkatan mereka yang diketuai oleh Pang-

58. Rasjid Manggis, Op.cit, Hal. 88

59. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal.11.

lima Bandan dan Panglima Bandot berangkat ke Pagar Ruyung setelah mendapat keidzinaan dari Sultan Johor.⁶⁰ Melihat kepada peristiwa itu, penulis menjangkakan, seandainya Sultan Johor bersedia menghantarkan seorang Raja ke Negeri Sembilan untuk melindungi orang-orang Negeri Sembilan dimasa itu, & tentunya Negeri Sembilan hingga kehari ini akan diperintah oleh seorang Raja yang berketurunan dari Raja Johor. Dan tentunya gelaran bagi raja Negeri Sembilan akan dipanggil Raja, tidak Yam Tuan, sepertimana sekarang ini.

Mengikut sejarah Raja-Raja Minangkabau, dikatakan bahawa Kerajaan Minangkabau telahpun bermula sejak TM 1340 lagi, dimana seorang raja yang berasal dari Majapahit, bernama Adita Warman⁶¹, merajai Minangkabau hingga kepada raja terakhir bergelar Sultan Munim Shah ke 3, yang mangkat di Tanah Abang Betawi(Jakarta), pada 21hb,Mac,1849. Sejarah Sultan/Raja di Minangkabau telah tamat pada tahun 1833, Ini berakhir apabila Sultan Munim Shah telah ditawan kerana menentang Belanda.

Sultan Abdul Jalil, Sultan Pagar Ruyung pada abad ke 18, telah memerintah kerajaan Pagar Ruyung dengan begitu keras sekali(zalim) pemerintahannya⁶² telah menerima keda-

60. Samad Idris, Op.cit, Hal:22.

61. Ibid, Hal. 18.

62. Lihat Cenderamata Minggu Sejarah N.Sembilan, Op.cit.

tangan angkatan orang-orang Negeri Sembilan itu. Baginda seterusnya berkenan menghantarkan seorang anak Raja bernama Raja Khatib(seorang dari Orang Besarnya) mengikuti angkatan orang-orang Negeri Sembilan itu. Raja Khatib ditugaskan sebagai pembuka jalan dan mengadakan persiapan begi menyambut Putera Sultan Abdul Jalil, iaitu Raja Mahmud(Raja Melewar) yang akan dirajakan di Negeri Sembilan itu nantinya⁶³. Raja Khatib, sebaliknya telah mengakui dirinya Raja yang diutuskan oleh Raja Pagar Ruyung, datang untuk merajai Negeri Sembilan. Kedatangannya itu telah diterima baik oleh Penghulu Luak Ulu Muar dimasa itu, iaitu Penghulu Naam yang mengahwinkan Raja Khatib dengan anak perempuannya yang bernama Warna Emas⁶⁴.

Setelah berberapa lama angkatan Raja Khatib berangkat ke Negeri Sembilan, maka angkatan Raja Mahmud pun bertolak kesana. Raja Mahmud telah dibekalkan oleh ayahanda nya dengan empatpuluh orang ahli pertikaman beserta alat-alat senjata dan angkatan di Raja. Angkatan ini kemudiannya pergi ke Siak(Raja Siak ialah keturunan dari Raja Pagar Ruyung)untuk mengadap Raja Siak.⁶⁵ Raja Siak kemudiannya membekalkan angkatan Raja Mahmud (Raja Melewar) dengan empatpuluh orang ahli pertikaman yang lengkap dengan alat senjata untuk meneruskan perjalanan ke Negeri Sembilan.

63. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 20.

64. Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban, 1961, Hal. 12.

65. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 22.

Seterusnya angkatan Raja Mahmud singgah pula ke Johor, dan mengadap Sultan Johor, untuk meminta idzin dari baginda Sultan Johor. Sultan Johor telah mengurniakan satu "Chap Mohor" kepada Raja Mahmud bagi membolehkan baginda berkuasa penuh keatas daerah-daerah di Negeri Sembilan itu.⁶⁶

Angkatan Raja Mahmud terus ke Negeri Sembilan, melalui Naning, dimana mereka terpaksa menempuh ancaman dari pada angkatan anak Raja Bugis. Akhirnya angkatan Raja Mahmud dapat mengalahkan pemberontak-pemberontak itu, lantas ke Rembau, satu-satunya Luak yang tertua di Negeri Sembilan. Di Rembau, Raja Mahmud telah ditabal/dinobatkan menjadi Raja Negeri Sembilan yang pertama, bergelar Raja Melewar pada tahun 1773. Istiadat pertabalan itu diadakan mengikut istiadat dan peraturannya, dan dibuat di Penajis, satu tempat yang terletak di Luak Rembau⁶⁷. Justeru itu timbul perbilangan didalam masyarakat Perpateh di Negeri Sembilan yang berbunyi;

Tanah Kerajaan di Penajis,
Tanah Mengandung di Sri Menanti⁶⁸.

Seterusnya, angkatan Raja Melewar telah berangkat ke Sri Menanti, untuk memerangi Raja Khatib yang bermaraja lela disitu, bersama ayahmertuanya, iaitu Penghulu Naam. Raja Khatib lari, sebaliknya Dato' Penghulu Naam te-

66. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal; 24.

67. Ibid, Hal. 24.

68. Ibid, Hal. 24.

lah dipenggal,kepalanya telah ditanamkan di Bukit Tempururung manakala badannya di Bukit Tabuh (kedua-duanya terpisah oleh satu anak air) didalam Luak Tanah Mengandung juga (Sri Menanti).⁶⁹ Pemisahan ini dibuat, disebabkan oleh kekebalan dan kesaktian Dato' Penghulu Naam itu tidak ada tolok bandingnya⁷⁰. Menurut ceritanya, pernah di penggal lehernya (Dato' Penghulu Naam) itu beberapa kali, tetapi ia kembali bercantum, hidup dan berjalan seperti orang biasa, seolah-olah kepalanya tidak bercerai dari badan⁷¹. Justeru itu, setelah mengetahui rahsia kesaktiannya itu, maka pengkebumiannya dibuat secara berasingan, antara badan dan kepalanya.

Raja Melewar kekal bersemayam di Sri Menanti (Tanah Mengandung⁷² yang merangkumi Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir, Luak Ulu Muar) sehingga ketahun 1795. Raja Melewar kemudiannya berkahwin (selepas mengalahkan angkatan Penghulu Naam) anak Penghulu Naam yang bernama Che Sani, yang kemudiannya bergelar Che' Puan Sani⁷⁴. Baginda mangkat pada tahun 1795 tanpa meninggalkan putera.

69. Keterangan dari In; Ismail Abu, pertemuan dengan penulis pada 22.9.1978, di Sri Menanti.

70. Ibid.

71. Keterangan dari In: Sulaiman, pertemuan dengan penulis pada 15.9.1978, di Sri Menanti.

72. Tanah Mengandung - membawa pengertian tanah ibunda yang selaras membawa konotasi kawasan tempat bersemayam DYMM Yang di Pertuan Besar, N.S, tetapi baginda tidak ketua Luak Tanah Mengandung. Tanah Mengandung diketuai oleh Penghulu-penghulu Luak yang ada, dilantik khas.

73. Keterangan dari In: Ismail Abu, - masa yang sama.

Setelah Raja Melewar mangkat, Orang Besar Negeri Sembilan sekali lagi menjemput putera Raja dari Pagar-Ruyung untuk dijadikan Raja di Negeri Sembilan. Pada tahun 1795 tertaballah Raja Hitam menjadi Yam Tuan di Negeri Sembilan menggantikan Yam Tuan Melewar. Pememerintahan baginda berlanjutan sehingga ketahun 1808. Selepas itu Yam Tuan ketiga yang merajai Negeri Sembilan juga adalah dijemput dari Pagar Ruyung, dimana masa ini Raja Lenggang pula menaiki Takhta pada tahun 1808 hingga 1824. Kedua-dua Yam Tuan itu adalah ditabalkan di Penajis yang dikatakan sebagi Tanah Kerajaan itu, ini dibuat adalah mengikut tradisi yang dibuat oleh Orang-Orang Besar Negeri Sembilan terdahulu dari ini.⁷⁴ Yam Tuan selepas itu, adalah di tabalkan di Sri Menanti, keranan Yam Tuan Lenggang telah meninggalkan putera-nya yang lahir di Sri Menanti untuk dijadikan Yam Tuan seterusnya, yang bergelar Raja Radin⁷⁵.

Dibawah ini ialah senarai nama Raja-Raja yang pernah memerintah Negeri Sembilan, sejak Yam Tuan Pertama; (Lihat Lampiran D).

1. Raja Melewar		1773 - 1795.
2. Raja Hitam		1795 - 1808.
3. Raja Lenggang		1808 - 1824.
4. Raja Radin		1824 - 1861.
5. Yam Tuan Imam		1861 - 1869.
6. Tengku Ampuan Intan (Pemangku)		1869 - 1872.
7. Yam Tuan Antah		1872 - 1888.

74. Kenyataan Dato' Abdul Samad Idris -pertemuan yang sama.

75. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 26.

8.	Tuanku Muhammad		1888 - 1933
9.	Tuanku Abdul Rahman		1933 - 1960
10.	Tuanku Munawir		1960 - 1967
11.	Tuanku Jaafar		1967 (sekarang ini).

Kalau diperhatikan, antara tahun-tahun 1869 hingga ketahun 1872, Negeri Sembilan tidak mempunyai Raja. Ini disebabkan dimasa itu berlakunya pergaduhan antara anak anak raja yang merebut Takhta Kerajaan; Tuanku Ahmad Tunggal Putera Yam Tuan Imama telah menuntut hak, tetapi tidak diperkenankan oleh orang Besar-besar Negeri Sembilan, begitu juga oleh Dato'-Dato' undang yang Empat itu. Ini adalah bersabit dengan perlakuannya yang tidak sesuai untuk dijadikan sebagai 'Pendamai' atau lambang 'Keadilan' bagi masyarakat Adat Perpateh di Negeri Sembilan itu.⁷⁶ Didalam masa yang sama berlaku pula perselisihan faham antara Dato' Undang Luak Sungai Ujung, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Rembau kecuali Undang Luak Johol dengan Yam Tuan Sri Menanti. Ini berpunca daripada masaaalah campurtangan Inggeris didalam pemerentahan dalam tiga Luak itu, yang pada akhirnya membawa kepada berperangan, iaitu Perang Naning dan Perang Bukit Putus⁷⁷.

Memandangkan kepada peristiwa itu, seorang Orang Besar yang berpengaruh, iaitu Dato' Siamang Gagap telah mengangkat Tuanku Puan Intan (Orang biasa/Orang Bono), untuk

76. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 27.

77. Ibid, Hal. 28.

menjadi pemangku raja. Kemudian pada tahun 1872 diangkat oleh Dato'-Dato' Penghulu Luak akan Yam Tuan Antah, iaitu anak saudara Yam Tuan Iman menjadi raja Negeri Sembilan. Peristiwa ini juga membawa pergaduhan antara Tengku Ahmad Tunggal dengan Dato' Kelana Syed Ahmad (Undang Luak Sungai Ujung) menentang Yam Tuan Antah di Sri Menanti. Tengku Ahmad Tunggal telah dibantu oleh British yang diketuai oleh Captain Murray bersama angkatan Dato' Kelana menyerang Sri Menanti pada tahun 1874, di mana Yam Tuan Antah mengalami kekalahan lantas lari ke Johor⁷⁸.

Menurut catatan, pengaruh Inggeris dikatakan bermula di Negeri Sembilan pada tahun 1844 yang terbatas pada beberapa Luak sahaja. Pengaruh Inggeris menjadi aktif dalam hal pengeluaran bijih timah pada kurun ke 19. Pertentangan di antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar Sungai Ujung berhubung dengan hak bijih timah di Sungai Linggi juga ujud pada masa yang sama⁷⁹.

Berdasarkan kepada salasilah raja-raja yang memerintah Negeri Sembilan yang bermula dengan Yam Tuan Melewar hingga ke Yam Tuan Lenggang (Yam Tuan Negeri Sembilan ke 3) adalah merupakan raja-raja yang dijemput daripada Pagar Ruyung. Selepas itu bermula daripada Yam Tuan Radin sehingga

78. Abdul Samad Idris, op.cit, Hal. 28

79. Lihat Cenderamata Minggu Sejarah, op.cit.

ke masa ini adalah datang daripada keturunan Yam Tuan Lenggang (sila rujuk Lampiran). Raja Melewar itu tidak pernah berdiri sendiri, malah ia ^{merupakan} raja yang dirajakan, bersiram tabal menurut adat istiadat raja-raja di Penajis. Maknanya naiknya Raja Melewar menjadi Yam Tuan Negeri Sembilan pertama melalui adat istiadat juga (ditabalkan). Istiadat disertakan dengan paluan nobat diraja, digemakan kesekeliling negeri, kemudian dihantarkan bersama Undang Yang Empat, Penghulu Yang Sembilan, Dato'-Dato' dan Juak-Juak Hulubalang ke Sri Menanti (Tanah Mengandung), yang kemudiannya disambut dengan upacara kebesaran istana, disemayamkan di bawah payung ubur-uburan berumbaikan rama-rama kuning⁸⁰.

Melihat kepada kenyataan di atas jelas bahawa semenjak Yam Tuan pertama telah pun diraikan dengan aturan adat istiadat, misalan istiadat pertabalan Yam Tuan telah dilaksanakan di Penajis (Tanah Kerajaan). Ini tidak dilakukan di Sri Menanti kerana pada masa itu Sri Menanti tidak dilengkapi dengan istana untuk sesuatu adat istiadat itu dijalankan.⁸¹

Pada awalnya jawatan Yam Tuan ini tidak jatuh pada keturunan, di mana terdapatnya tiga anak raja dijemput

80. Rasjid Manggis, *op.cit*, Hal. 108

81. Keterangan daripada Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusuf (Orang Empat Istana), pertemuan pada 25.9.78

dari Kerajaan Pagar Ruyung, Sumatera yang bermula pada tahun 1773. Dinasti Sri Menanti hanya bermula pada masa pemerintahan Yam Tuan ke 4 iaitu Yam Tuan Radin (1824 - 1861). Yam Tuan Radin digantikan oleh adiknya, kemudian oleh anaknya⁸².

Mengikut perbilangan, "adapun raja itu tiada bernegeri dan tiada mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja, serta pemakaiannya duit sesuku, beras segantang dan nyior setali". Maksudnya raja itu tiada bernegeri ialah raja itu tiada berkuasa kepada masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan. Baginda di luar Adat Perpatih, ini adalah disengajakan supaya baginda dapat memainkan peranan keadilan dengan lebih saksama lagi. Ini dapat dilihat melalui peranan baginda ke atas Luak Sri Menanti. Keluarga diraja Negeri Sembilan adalah menyusur galur dari kedua ibu bapa tetapi lebih menitik beratkan kepada bapa⁸³.

Menyentuh kepada kawasan kekuasaan, dikatakan bahawa Yam Tuan itu bersemayam di Sri Menanti, iaitu di-istana yang dibuat khas, yang mana Sri Menanti itu adalah berbeza dari Luak-Luak yang lain. Tidak mempunyai batas kawasan yang tegas, Sri Menanti cuma dikenal dengan apa yang dinamakan Adat Lingkungan⁸⁴. Yam Tuan tidak campurtangan dalam hal-hal Luak, baginda menjadi ^{lambang}keadilan, iaitu

82. Nordin Selat, op.cit, Hal. 58

83. Ibid, Hal. 60

84. Ibid, Hal. 59

tempat rayuan yang tertinggi sekali apabila dipohon. Baginda sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman bunuh, "Pedang Pemancung, Pedang Keadilan". Baginda bekerjasama dengan Dato'-Dato' Undang Luak seluruhnya. Di Sri Menanti baginda berkuasa di Luak Tanah Mengandung dan diberikan beberapa keistimewaan. Ini jelas kelihatan pada masa dahulu baginda menyara hidup dengan kutipan wang padi dan kelapa dari tiap-tiap tuan punya tanah di Sri Menanti. Baginda juga akan di persembahkan sebanyak tiga ekor kerbau dalam istiadat-istiadat diraja yang dibuat di istana baginda, misalnya istiadat perkahwinan, istiadat berkhatan juga pengkebumian di mana wang yang dipanggil "Mas Mannah", diberikan dan juga baginda mendapat wang hasil dari denda-denda yang dikenakan kepada rakyat⁸⁵.

Sebagai kesimpulan dari tulisan di atas, berkaitan dengan gelaran Yam Tuan (Yang Di Pertuan Besar) bagi raja di Negeri Sembilan dikatakan berasal dari Minangkabau. Kalau dilihat melalui salasilah itu ada yang bergelar raja, Yam Tuan dan Yang Di Pertuan Besar tetapi pada dasarnya adalah mempunyai makna yang sama. Kalau di Minangkabau iaitu di Kerajaan Pagar Ruyung jawatan raja itu dipecah tiga,

Raja Alam di Pagar Ruyung,

Raja Adat di Buo, dan

Raja Ibadat di Kumanih⁸⁶.

⁸⁵Nordin Selat, op.cit, Hal. 59

⁸⁶. Lihat Cenderamata Minggu Sejarah Negeri Sembilan, op.cit

Di Pagar Ruyung mereka ini dinamakan " Raja Nan Tigo Selo" yang masing-masing tidak mempunyai kuasa apa-apa, hanya merupakan sebagai lambang dikerajaan itu. Di samping itu dibentuk pula semacam Dewan Keadilan dan Undang, Pemegang kuasa politik sebenar, jadi jelasnya institusi Dewan Keadilan dan Undang di Negeri Sembilan pada adasarnya adalah serupa dengan Institusi Dewan Basa Nan Ampek di Minangkabau⁸⁷. Institusi itu pada peringkat kerajaan Persekutuan di namakan Majlis Raja-raja yang diketuai oleh Yang Di Pertuan Agung. Jadi jawatan DYMM Yang Di Pertuan Agung itu berdasarkan kepada jawatan DYMM Yang Di Pertuan Besar bagi Negeri Sembilan atau Yam Tuan di Sumatera⁸⁸. Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan soal gelaran pemerintah di Negeri Sembilan adalah satu-satunya warisan kebudayaan Minangkabau khususnya dari Kerajaan Pagar Ruyung.

Pentadbiran Negeri Sembilan

Pada awal abad ke dua puluh di Negeri Sembilan telah sedia ada terdapat satu corak pentadbiran di peringkat daerah yang telah diperkenalkan oleh pemerintah Inggeris⁸⁹. Daerah-daerah yang terlibat ialah Daerah Kuala Pilah, Daerah Sungai Ujung, Daerah Jelebu, Daerah Rembau, Daerah Tampin dan lain-lain. Pentadbiran di peringkat ini berpusat di Pejabat-pejabat Daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah yang bertanggung

87. Lihat Cenderamata Minggu Sejarah Negeri Sembilan, op.cit.

88. Ibid.

89. Sistem pentadbiran yang demikian ini dikenali dengan nama sistem Birokrasi.

yang bertanggung jawab kepada pemerintahan pusat di Seremban. Telah menjadi tugas dan tanggung jawab Pegawai Daerah untuk mentadbir daerahnya yang menjadi beberapa mukim.⁹⁰ Pentadbiran di Negeri Sembilan pada seluruhnya telah menampakkan satu bentuk pentadbiran yang berperingkat-peringkat, yang berasaskan kepada wilayah-wilayah di Negeri Sembilan. Pada keseluruhannya mukim, suku dan perut⁹¹, adalah di asaskan kepada pentadbiran ke atas wilayah di atas. Ini dapat ditegaskan lagi dengan kata-kata perbilangan, yang berbunyi

Alam Beraja,
Luak Berpenghulu,
Suku Bertua,
Anak Buah beribu-bapa⁹².

Daripada kata-kata perbilangan itu "Luak" yang dimaksudkan ialah wilayah-wilayah seperti Rembau, Jelebu, Johol dan Sungai Ujung yang masing-masing diketuai Dato' Undang Yang Empat manakala Tampin diketuai oleh Tengku Besar Tampin. "Suku Bertuan" dimaksudkan bahawa sesuatu suku itu adalah diketuai oleh seorang yang dipanggil Lembaga. Seterusnya "Beribu-bapa" adalah merupakan satu jawatan yang dipanggil Buapak. Walau bagaimana pun kata-kata "Alam Beraja" tidaklah

90. Lihat E.M. Merewether, Report On The Census Of The Straits Settlements 1891, Government Printing Office, Singapore 1892, Hal. 144.

91. Perut, ialah merupakan satu unit sosio-politik yang terkecil, tiap-tiap anggota perut mengakui berasal daripada moyang yang sama. Anggota Perut terdiri daripada keluarga sedarah nisab ibu dan beberapa anggota lain yang berkedim. Hubungan individu dalam perut biasanya sangat rapat, perasaan persaudaraan dan kekitaan amat kuat.

92. Nordin Selat, op.cit, Hal.

melibatkan wilayah-wilayah (Luak-Luak) seperti Rembau, Jelebu, Johol, Sungai Ujung dan Tampin itu. Ada juga kemungkinannya kata-kata itu disesuaikan dengan wilayah Kuala Pilah/ Sri Menanti atau Tanah Mengandung yang juga membayangkan satu bentuk pentadbiran yang berperengkat-perengkat. Jawatan-jawatan itu juga mempunyai satu susunan tanggungjawab, yang juga dinyatakan oleh perbilangan;

Kunci anak Buah kepada Lembaga,
Kunci Buapak kepada Lembaga,
Kunci Lembaga kepada Penghulu,
Kunci Penghulu kepada Keadilan⁹³.

Jelasnya selepas kewujudan Institusi Yam Tuan, fungsi dan tugas Dato' Undang adalah kekal dengan status, dan kalau dihalusi kewibawaannya adalah lebih tinggi daripada Yam Tuan, sebab kalau mengikut perlembagaan adat Istiadat di Negeri Sembilan, Yam Tuan itu adalah dipilih oleh Dato'- Dato' Undang yang Empat dan juga Tengku Besar Tampin.⁹⁵

Dengan kata lain, sebelum kedatangan British ke Negeri Sembilan, Yam Tuan itu tidak mempunyai Kuasa Politik di Negeri Sembilan, kuasa politik adalah ditangan Undang yang Empat itu serta Dato'-Dato' yang lainnya. Bagin Luak-Luak Tanah Mengandung dan Sri Menanti itu, kuasa politiknya adalah kekal ditangan Dato' Penghulu Luak.⁹⁶ Begitulah kedudukan Institusi Yam Tuan, Undang dan juga Penghulu Luak pada keseluruhannya di Negeri Sembilan sebelum kedatangan Inggeris di Negeri Sembilan itu.

93. Nordin Selat, *op.cit*, Hal.73.

94. Amalan ini dikekalkan oleh British seperti yang terkandung dalam Art. 10, Perlembagaan Negeri Sembilan, 1948.

95. Nordin Selat, *Op.cit*. Hal. 74

1.3: Adat-Istiadat Raja-Raja Negeri Sembilan yang ada Hubungannya dengan Alat-Alat Kebesaran Kerajaan.

Merujuk kepada berberapa keterangan, dapatlah dikatakan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan itu telah pun wujud secara beraja pada Tahun 1773⁹⁵. Namun, dikatakan juga sebelum tarikh itu telah pun wujud Negeri Sembilan itu, yang terdiri daripada gabungan berberapa buah Luak didalamnya. Ia telah wujud awal dari pada 1773 itulagi, dimana Luak-Luak itu telah diperintah oleh Penghulu Luak masing-masing. Mereka diberikan kuasa sepenuhnya untuk memerintah oleh Sultan Johor yang menanungi Negeri Sembilan itu. Sebelum ini, jelasnya Negeri Sembilan itu adalah dibawah kekuasaan Kerajaan Melaka -Johor⁹⁶. Dan dikatakan bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini adalah satu-satunya warisan daripada Kerajaan Pagar Ruyung, di Tanah Minangkabau, disamping menerima pengaruh daripada Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511) dan juga Kerajaan Johor itu.

Melihat kepada Adat-Istiadat Raja-Raja Negeri Sembilan ini, adalah berkisar kepada adat-istiadat yang diamalkan dan dijalani oleh Raja-Raja yang berketurunan dari Kerajaan Pagar Ruyung, Sumatera itu. Semua adat-istiadat yang diamalkan oleh raja-raja disini adalah campuran dari pada adat-istiadat raja-raja di Minangkabau⁹⁷ yang diubah

95. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 18.

96. Nordin Selat, (Dr), Op.cit, Hal. 58.

97. Keterangan daripada Dato' Penghulu Dagang, Orang Empat Istana, pertemuan yang sama.

suaikan mengikut keadaan di Semenanjung Tanah Melayu ini, yang kalau diteliti, mempunyai sedikit persamaan dengan Adat Istiadat Raja-Raja di negeri-negeri lain seperti Perak, Pahang, Selangor dan lain-lain itu. Pada dasarnya Alat-Alat Kebesaran Kerajaan (A.A.K.K) itu adalah dibawa daripada Kerajaan Pagar Ruyung bersama angkatan Raja Melewar dahulu, tetapi oleh kerana ada di antaranya yang mengalami kerosakkan maka ianya diganti di Negeri Sembilan sendiri⁹⁸.

Menyentuh kepada tulisan dan penulisan yang khusus yang dibuat mengenai dengan Adat Lembaga Kerajaan Negeri Sembilan ini, tidak ada satu penulisan pun yang dapat memberikan gambaran mengenai itu. Kalau bagi Kerajaan Perak misalnya, Misa Melayu⁹⁹ menjadi sumber utama yang mana ada merakamkan mengenai susun atur dan Adat Lembaga bagi kerajaan Perak, baik disegi Salasilah Raja-Rajanya maupun tentang adat-istiadat yang dijalaninya, tapi bagi Negeri Sembilan ini tidak ada¹⁰⁰. Walaubagaimana pun atas daya usaha pegawai-pegawai Istana, telah dirakamkan sedikit peringatan mengenai adat-istiadat itu, yang dinamakan "Lapuran Adat-Istiadat di Istana Besar Sri Menanti" yang tertulis pada tahun 1955. Tulisan ini tidak begitu khusus dan terperinci, begitu juga dengan buku "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" (1961) yang ditulis oleh Abdul Samad Idris¹⁰¹

98. Keterangan dari orang yang sama, pada 27.10.78.

99. Misa Melayu ialah sebuah karya kesusasteraan, ditulis oleh Raja Chulan, masa pemerintahan Sultan Perak ke 5.

100. Keterangan dari D.P. Dagang Adam, - pertemuan sama.

101. Ibid.

Menyentuh tentang adat-istiadat yang dipercayai menjadi amalan bagi raja-raja di Negeri Sembilan ini, yang asalnya turun temurun dari raja-raja yang lepas, ialah seperti Adat-Istiadat Pertabalan DYMM Yang Di Pertuan Besar, aturan dan istiadat bagi orang-orang yang akan dijadikan Yam Tuan mengikut giliran tertentu. Bagi Negeri Sembilan, YMM Tengku Muda Sertinglah yang menjadi bakal Yam Tuan, apabila Yang Di Pertuan itu mangkat, ini telah diamalkan semenjak Yam Tuan Radin dahulu lagi, dan ini berlanjutan hingga kehari ini¹⁰². Selain dari itu ada juga tercatat mengenai adat-istiadat Perlantekan Tengku Ampuan, Istiadat Perlantikan DYMM Yang Di Pertuan Besar, Istiadat Permakaman jenazah DYMM Yam Tuan, Istiadat Penghulu-Penghulu Luak mengadap (iaitu tiga tahun sekali), Istiadat Hari Keputeraan DYMM Yam Tuan, adat-istiadat menjunjung Duli, Istiadat pengurniaan Bintang-bintang kehurmat, istiadat Menempah Bidan isteri DYMM Yam Tuan, istiadat Menanam Uri Tembuni, istiadat Berkhatan (Putera DYMM) dan istiadat menjejak Tanah Putera-puteri Yam Tuan, Istiadat Pertunangan Putera-puteri, Istiadat Menerima Sirih peminangan (Puteri DYMM), Istiadat Nikah, Bersanding dan juga Berinai, Istiadat Bersiram, Istiadat menurunkan AAKK, upasara Berkabung (kemangkatan) dan lain-lain lagi yang kedapatan diamalkan oleh raja-raja dimasa ini di negeri Sembilan ini. Begitu juga gambaran tentang cara-cara rakyat bergotong royong dengan raja mereka, keramaian Maulud Nabi (saw)

102. Keterangan D.P.D Adam Bin Yusuf, dipertemuan yang sama.

serta juga adat membayar nadzar apabila raja sembuh dari sakit, serta raja berwasiat telah juga dicatatkan didalam tulisan yang disebutkan diatas tadi.

Penulis berpendapat, gambaran dan sifat-sifat yang berlaku di Negeri Sembilan ini ada digambarkan oleh Misa Melayu bagi Kerajaan Negeri Perak serta juga Sejarah Melayu bagi Kesultanan Melayu Melaka. Misalnya persamaan akan juga terdapat didalam istiadat Pertabalan DYMM Yang di Pertuan Besar, bagi raja-raja di Negeri lain juga naiknya ia misti leh ditabalkan dahulu. Bagi Negeri Sembilan, Istiadat Pertabalan ini telah pun dilakukan sejak Yam Tuan pertama dahulu, iaitu Raja Melewar, yang ditabalkan di Penajis. Istiadat ini juga telah diteruskan oleh raja-raja yang terkemudian sehingga kehari ini. Kemungkinan juga adat-istiadat yang serupa itu telah dilakukan oleh raja-raja di masa dahulu, juga Raja Melaka atau lebih awal daripada itu, misalnya di zaman Sang Si Perba di Palembang dahulu¹⁰³.

Untuk melihat persamaan ini, boleh juga kita memusatkan pandangan kepada gambaran yang diberikan oleh Sejarah Melayu, yang ada menyebutkan, "selepas sahaja Sang Si Purba berjaya meniduri Wan Sandari, Puteri Demang Lebar Daun, baginda telah memandikan Sang Si Perba di atas Pancha Persada yang

103. Keterangan daripada In: Bador bin Hussin, (Pegawai Inam Istana), dipertemuan pada 15hb, 11.1978.

indah perbuatannya, bersempena dengan perayaan tersebut pekerjaan berjaga-jaga selama empat puluh hari empat puluh malam, makan minum, bersuka-sukaan dengan segala raja-raja para menteri, sida-sida dan rakyat sekalian. Baginda diarak tujuh kali berkeliling Pancha Persada dan dimandikan oleh Bentala¹⁰⁴. Kemudian dari itu baharulah Sang Si Perba ditabalkan. Setelah itu baginda memakai pakaian Kerajaan, dan duduk diatas Peterakna keemasan diatas Singgahsana Kerajaan maka gendang nobat pun dipalu oranglah¹⁰⁵. Setelah sudah santap, maka Betala membukakan Pencawa Pencana¹⁰⁶ ditelinga raja kedua laki isteri. Istiadat ini dikenali sebagai istiadat memulihkan AAKK yang dikendalikan oleh Dato' Sri Amar Di Raja, Orang Empat Istana¹⁰⁷, dan kuncu-kuncunya. Jadinya di dalam Istiadat Pertabalan DYYY Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ini, juga ada diperlakukan adat-istiadat bersiram diatas Pancha Persada itu (Lihat Bab 4, Istiadat Pertabalan) yang diadakan di Luar Istana Besar Sri Menanti sekarang ini.

104. Bentala/Betala - adalah seorang lelaki yang keluar dari muntah buih, iaitu buih lembu kenaikan Sang Si Perba, dia jugalah yang menggelarkan Sang Si Perba, dan anak cucu Sang Si Perba itulah yang asalnya orang membaca ciri dahulukala (lihat Sejarah Melayu, Hal. 21).

105. Shellabear, W.G., (ed.), Op.cit., Hal. 24.

106. Pencawa Pencana - yang juga disebut bunga, yang dibuat daripada emas, berbentuk seperti Bunga Pacak Getar.

107. Orang Empat Istana - diberi gelaran Dato' Sri Amar di-Raja, Raja Diwangsa, Penghulu Dagang, dan Penghulu Akhirzaman, iaitu jawatan yang tertinggi bagi anggota yang tidak berdarah Raja, - Tugas mereka ialah "memegang kunci Peti Bunian/bunyian", iaitu tempat menyimpan Salasilah Raja, Undang, Penghulu, Pegawai-pegawai Istana dan peraturan warisan jawatan, bertanggungjawab kepada perlaksanaan adat-istiadat raja, menjaga kepentingan isteri dan putera-puteri raja, dan menyempurnakan segala titah Yam Tuan, mengenai hal-ehwal istana.

Persamaan dan perbedzaan didalam perlaksanaan adat-istiadat dikalangan raja-raja Melayu yang lain, dan juga dikalangan Yam Tuan di Negeri Sembilan ini, sebetulnya adalah sesuatu yang relatif. Soal pokoknya ialah, segala adat-istiadat itu adalah berdasarkan kepada apa yang telah dilakukan oleh raja-raja yang terdahulu dari ini, kalaupun berlaku sedikit perbedzaannya, itu dibuat hanyalah demi untuk menyesuaikan dengan keadaan masa dan juga tempatnya. Banyak diantara adat-istiadat yang dikekalkan ini masih kedapatan sedikit sebanyak ciri-ciri lamanya¹⁰⁸.

Berdasarkan kepada kenyataan Rasjid Manggis, beliau menegaskan bahawa bagi Negeri Sembilan keseluruhannya, segala adat-istiadat yang diikuti pada hari ini adalah berdasarkan kepada adat-istiadat yang telah disusun dimasa pemerentahan Yam Tuan Muhammad (Yam Tuan ke tujuh), dan dimasa baginda jugalah satu Chap Mohor yang baru dibuat bagi pemerentahan nya di Negeri Sembilan itu¹⁰⁹, Chap Mohor yang berbunyi;

"...Tuanku Muhammad Yang Di Pertuan Sri
Menanti, Ibni Al Marhum Yang Di Pertuan Besar
Tuanku Antah Sunnah 1301".

Dikatakan juga bahawa dimasa pemerentahan baginda jugalah Luak-luak yang ada di Negeri Sembilan itu disatukan menjadi Persekutuan Negeri Sembilan, dan dimasa baginda juga gelaran Yam Tuan Sri Menanti itu diubah, dimana keempat-empat Undang Luak dan Tengku Besar Tampin menabalkan baginda menjadi Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan itu¹¹⁰.

108. Keterangan daripada D.P. Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

109. Rasjid Manggis, Op.cit, Hal. 113.

110. Ibid, Hal. 113.

Segala peraturan yang telah dibuat itu telah termaktub didalam Perjanjian yang diadakan pada 20hb. 4. 1898, iaitu perjanjian antara Yam Tuan dengan Dato' Undang yang Empat serta juga Tengku Besar Tampin¹¹¹ (silalahat Lampiran).

Menyentuh tentang penulisan-penulisan, belum ada satu usaha pun yang dibuat untuk membukukan segala adat-istiadat dikalangan raja-raja di istana di Negeri Sembilan ini. Begitu juga tentang adat Lembaga, tiada sebarang tulisan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Ini dikhuatirkan kalau-kalau adat istiadat itu akan dilupakan nantinya. Kalau direnungkan, sebenarnya Negeri Sembilan ini kaya dengan adat istiadatnya, juga adat Lembaganya itu, apatah lagi ianya agak lain dari negeri-negeri lain, kalau dilihat segi struktur pemerintahannya, rajanya bergelar Yang Di Pertauan Besar atau juga Yam Tuan, kalau di Negeri-negeri beraja yang lain itu, gelaran itu tidak digunakan, hanya panggilan Raja atau Sultan.¹¹²

Adat-istiadat yang dibuat oleh satu-satu negeri itu seharusnya mengikut satu-satu peraturan yang tertentu, yang telah ditetapkan, kalau tidak dikhuatirkan akan dikatakan negeri itu tidak beradat nantinya. Misalnya tuduhan ini akan terdengar, apabila sesaorang luar yang datang menyaksikan satu-satu adat istiadat itu dijalankan, sete-

111. Abdul Samad Idris, Op.cit, Hal. 42-49.

112. Keterangan Dato' Pengelola Bijaya diRaja Hj. Maulud pertemuan pada 15.10.78.

rusnya satu-satu adat-istiadat itu dibuat adalah bertujuan untuk menunjukkan dan memperlihatkan kebesaran dan juga keagungan sesaorang raja itu, juga negeri dimana baginda berkuasa.¹¹³

Setiap adat-istiadat itu dibuat mistilah mempunyai tujuan, makna dan juga motofnya. Jikalau tidak dipatuhi, dipercayai akan ditimpa balasan yang tidak baik, kerana itu jugalah adat-istiadat itu berkekalan hingga kehari ini. Dengan adanya satu-satu perasaan kekhuatiran dikalangan raja-raja dan juga orang-orang istana itu, maka adat-istiadat itu berkekalan, dan dilaksanakan hingga kehari ini. Misalnya adat-istiadat pertabalan, baik Pertabalan DYMM Yang Di Pertuan Besar mahupun Perlantikan Tengku Ampuan bagi Negeri Sembilan itu, sejauh ini belum ada ditinggalkan.¹¹⁴ Walaubagaimana pun dalam tahun 1978 lalu, seharusnya ada satu istiadat Penghulu-penghulu Luak Mengadap Menjunjung Duli (yang dibuat tiga tahun sekali), tetapi ini telah tidak dibuat¹¹⁵, sebelum itu belum pernah dilakukan. Ini berlaku disebabkan Kerajaan Negeri menghadapi masaalah kewangan yang boleh memdatangkan masaalah yang lainnya pula. Dijangkakan bahawa istiadat itu akan dibuat pada tahun 1979 ini nanti, ini memandangkan kepentingan istiadat itu.¹¹⁶

113. Keterangan dari D.P.Dagang Adam Yusof, pertemuan sama.

114. Keterangan yang sama.

115. Keterangan dari Dato' Pengelola Bijaya di Raja, sama.

116. Keterangan dari D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

Adat - istiadat yang ada hubungannya dengan AAKK Negeri Sembilan (yang ada tersimpan baik didalam Balai Rong Seri, di Istana Besar Sri Menanti itu), adalah di pergunakan didalam semua adat-istiadat di Raja di Negeri Sembilan ini,¹¹⁷ tidak pernah ianya diabaikan didalam sesuatu adat-istiadat itu. Diantara adat-istiadat yang berkaitan dengan AAKK Negeri Sembilan itu ialah, adat-istiadat Pertabalan DYMM YDPB Negeri Sembilan ini sendiri. Istiadat itu merupakan istiadat yang terpenting sekali dilakukan. Di Percayai juga adat-istiadat ini juga telah dilakukan sejak orang-orang melayu ini berada didalam sistem beraja. Di Negeri Sembilan ini, adat-istiadat Pertabalan ini misti dilaksanakan oleh setiap raja atau Yang di Pertuan Besar (YDPB), yang memerintah negeri ini.¹¹⁸ Begitu juga adat-istiadat Perlantikan menjadi YDPB Negeri Sembilan, iaitu istiadat ini dilakukan pada masa seseorang YDPB itu telah mangkat, dan ini dibuat pada hari ketiga kemangkatan seseorang YDPB itu.

Didalam adat-istiadat yang disentuh itu, semua AAKK itu dikeluarkan dari tempat simpanannya, dan dipasangkan di halaman istana, bagi menunjukkan masa gembira dan masa sedih yang berlaku di istana itu.¹¹⁹ Juga AAKK itu melambangkan kebesaran Negeri Sembilan itu sendiri. Istiadat -

117. Keterangan dari D.P. Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

118. Keterangan yang sama.

119. Keterangan dari In. Bador bin Hussin, pertemuan sama.

Pertabalan ini dibuat didalam Balai Rong Sri dengan penuh resmi dan mengikut istiadat yang telah ditetapkan sejak masa dahulu. Sebelum sesuatu perayaan adat-istiadat itu dibuat, AAKK itu hendaklah dipulihkan oleh Dato' Sri Amar di Raja, iaitu pawang di Raja yang juga Imam kepada Orang Empat Istana. Ini dibuat sebelum Alat-alat itu dipasangkan dihalaman istana, bagi melambangkan kebesaran raja Negeri Sembilan ini. Disamping itu, alat/"Perkakas Kerajaan" yang lain yang dianggap penting didalam sesuatu istiadat Pertabalan itu, seperti Batil berisi sehelai Rambut, yang diletakkan diatas dulang berkaki (Dulang Istiadat), Keris Renjang Kerajaan (Keris Keemasan), Pedang Panjang (Pedang Sebarau Bujang), Tiga bilah Keris Panjang dari AAKK yang dipulihkan itu juga Tiga bilah Pedang Panjang, adalah dibawa masuk kedalam Balai Rong Seri bagi Istiadat Pertabalan Yam Tuan itu. Ini adalah penting kerana alat-alat itu mesti disertakan bersama Dato'-Dato' Undang Luak yang Empat dan Tengku Besar Tampin didalam Istiadat Pertabalan itu.¹²⁰

Didalam istiadat itu, "Perkakas Kerajaan" yang terpenting sekali ialah 'Batil' (yang berisi sehelai rambut), walaupun Batil itu tidaklah digolongkan sebagai AAKK itu, tetapi ianya ialah Alat-alat Kebesaran di Raja bagi Yam Tuan. (Lihat penerangan didalam Bab 4, Istiadat Pertabalan DYMM).

120. Keterangan daripada D.P.Dagang Adam Yusuf, dalam pertemuan yang sama, juga keterangan daripada In: Bador bin Hussin, pertemuan yang sama.

Batil¹²¹, itu dikatakan sesuatu yang penting, yang misti ada didalam istiadat pertabalan, kerana disitu dipercayai terletakanya "Daulat Raja" Negeri Sembilan ini. Namun, didalam istiadat yang lain, ianya tidak perlu, begitu juga dengan Keris Keemasan dan juga Pedang Sebarau Bujang itu, semua itu tidak penting diadakan didalam lain-lain adat-istiadat. Ini adalah disebabkan, Alat-alat Kebesaran Hi Raja tersebut itu adalah digunakan oleh Yam Tuan-Yam Tuan yang terdahulu. Tidak sah satu-satu istiadat pertabalan itu, dan tidak sah kenaikan sesaorang Yam Tuan itu seandainya pertabalan itu tidak disertakan dengan Alat-alat Kebesaran diraja itu¹²². Walaupun Dato'-Dato' Undang yang Empat serta Tengku Besar Tampin itu perlu ada dimasa Pertabalan itu, akan tetapi jikalau salah seorang antara mereka tidak hadir, maka istiadat Pertabalan itu sah dan boleh dijalankan¹²³.

Didalam istiadat apa sekali pun yang diadakan didalam Balai Rong Seri, atau juga didalam Istana, maka AAKK itu, kecuali Batil itu, mistilah digunakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi. 'Batil' yang dipercayai mempunyai kuasa ajaib, kuasa istemewa itu mistilah dipelihara dengan baiknya, diletakkan didalam bilik peraduan Yam Tuan, dan misti dijampi serapah, dipawang-

121. Batil- merupakan alat kebesaran Raja Negeri Sembilan, yang dibawa oleh Raja Melewar dari Pagar Ruyung, pada tahun 1773. Ia merupakan Sehelai Rambut yang melengkari bahagian dalam Batil itu, ia disimpan didalam petikayu yang dipaluti dengan kain kuning, terletak diatas sebuah almari dibilik peraduan Yam Tuan di Istana Sri Menanti.

kan oleh Pawang Di Raja iaitu Dato' Sri Amar Di Raja, hanya beliau yang boleh menyentuh angkat Batil itu dari tempat simpanannya. Pernah di satu masa, dimasa pemerintahan Al Marhum Tuanku Munawir (1960-67) Batil itu dibawa ke Istana Hinggap di Seremban, tetapi ia balik sendiri pada waktu malam keistana Sri Menanti¹²⁴. Ini satu kejadian yang benar-benar berlaku dimasa itu, ia tidak boleh dipindah-pindahkan dari tempat asalnya, kecuali hendak dikeluarkan untuk Istiadat pertabalan misalnya.

Berlainan keadaannya dengan AAKK yang lain itu, iaitu yang digunakan didalam semua adat-istiadat diraja, Baik ianya diadakan didalam, mahupun diluar Istana, ianya tetap dipasangkan disekitar halaman Istana, ditempat yang telah dikhaskan itu. (Lihat bahagian Lampiran). Walaubagai mana pun, AAKK itu juga sebelum ianya digunakan untuk tujuan tertentu, ianya hendaklah dipawangkan dahulu, ditepung tawarkan dahulu, sebelum dipasangkan di halaman istana itu (Lihat Bab 4, upacara menepung tawar AAKK). Ia mesti dilakukan dengan penuh istiadat dan peraturan, tidak diperlakukan sembarangan sahaja, nanti dipercayai akan menimbulkan

122. Keterangan dari D.P. Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

123. Keterangan yang sama, masa yang sama.

124. Keterangan dari In: Sulaiman, pada 26.10.78, pertemuan dengan penulis di Sri Menanti.

sesuatu kejadian yang tidak baik, dan ini telah pun terjadi dimasa pemerintahan Al Marhum Tuanku Munawir juga dimana di-hari perayaan yang dibuat di Istana Besar Sri Menanti itu, tiba - tiba turun ribut dan hujan mencurah-curah yang tidak ada hujung pangkal sebabnya¹²⁵. Ini adalah disebabkan penurunan dan pemasangan AAKK itu tidak dibuat mengikut peraturan yang tertentu.

Bagi Istiadat-istiadat seperti kemangkatan DYMM YDPB Negeri Sembilan, Kemangkatan DYMM Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Kemangkatan Putera Yang Empat, (iaitu YAM Tunku B Besar, YAM Tengku Laksemana, YAM Tengku Muda Serting dan juga YAM Panglima Besar), kemangkatan isteri-isteri YDPB, Kemangkatan anak-anak Raja yang bergelar, kemangkatan para isteri anak-anak Raja yang bergelar, kemangkatan putera-puteri DYMM YDPB Negeri Sembilan, Istiadat Permakaman, Istiadat Perlantikan dan Pertabalan DYMM YDPB, Istiadat Perlantikan DYMM Tengku Ampuan, Istiadat Penghulu-penghulu Luak Mengadap, Istiadat Hari Keputeraan YDPB, Istiadat Nikah kahwin (Beralat), istiadat Bersunat Rasul (Berkhatan/beralat), juga setiap Hari Raya Puasa dan Raya Haji, maka AAKK itu mistilah diturunkan dan juga dipasangkan dihalaman Istana.¹²⁶ Juga dilain-lain istiadat/perayaan AAKK itu boleh juga di turun dan dipasangkan dihalaman istana, tetapi mistilah ter-

125. Keterangan yang sama dari orang yang sama, juga keterangan dari D.P. Dagang Adam, pertemuan pada 28.10.78.

126. Lihat Susunan Adat Istiadat Di Istana Besar Sri Menanti, Tahun 1955, Bab 20.

lebih dahulu diperundingkan dengan Orang Empat Istana, atau juga Putera yang Empat, atau juga pihak Lingkungan Air kaki YDPB (Suku Batu Hampar air Kaki yang Jerneh, lihat huraian mengenai ini dalam Bab 4), bagi mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan AAKK itu. Pada dasarnya, semua adat-istiadat di Raja mistilah disertakan dengan AAKK yang telah menjadi warisan sejak masa-masa yang lalu. AAKK ini adalah penting didalam sesuatu adat-istiadat itu, untuk menandakan kebesaran rajanya dan juga keagungan Negeri Sembilan sendiri. Bak kata perbilangan yang menggambarkan kepentingan AAKK ini yang menjadi baidalan golongan istana ialah,

Didengar bunyi,
Dirasa perisa,
Dipandang Rupa.¹²⁷

maknanya "didengar bunyi" itu ialah setiap sesuatu perayaan istiadat di raja itu mistilah diisyaratkan dengan bunyi tembakan meriam kerajaan dahulu, untuk memberitahu sekalian rakyat jelata; "Dirasa perisa" itu pula ialah, setiap satu satu perayaan adat-istiadat yang dibuat itu akan diselangi dengan jamuan dari pihak istana untuk para hadirin dan juga rakyat jelata, manakala "dipandang rupa" pula ialah AAKK itu sendiri, dimana setiap adat-istiadat itu mistilah disertakan dengan pemasangan AAKK dihalaman istana.¹²⁸ Begitulah keadaannya apabila sesuatu perayaan adat-istiadat itu dibuat, dan yang dikatakan Istiadat Beralat itu ialah sekurang-kurangnya selama tiga hari tiga malam.

6

127. Keterangan dari D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.
128. Keterangan yang sama.

Alat-alat Kebesaran Kerajaan itu boleh juga diturunkan dan dipasangkan dihalaman istana, jika tiba masa kematian Dato'-Dato' yang bergelar dan beradat didalam istana dan didalam sukunya¹²⁹, ini terpulanglah kepada warisan pesaka yang tinggal. Jikalau mereka berkehendakkan istiadat itu dibuat dengan penuh peraturan, maka Orang Empat Istana akan mengaturkan persiapan-persiapan yang sepatutnya. "Memelihara Adat" adalah dirujukkan kepada perayaan dan persiapan dimasa nikah-kahwin anak-anak raja, juga dihari kemangkatan, begitu juga kepada Dato'-Dato' yang beradat, bolehlah segala AAKK itu diturunkan dan dipasangkan dihalaman istana. Alat-alat kebesaran itu boleh jikalau tidak mahu diturunkan semuanya, hanya untuk menjadikan sebagai syarat kepada perayaan istiadat itu sahaja, dan boleh juga ianya tidak dipasangkan dihalaman istana itu¹³⁰. Dirasakan cukup dengan hanya sebilah Keris Panjang, Sebilah Pedang Panjang, sebatang Pedang Berambu, dan sekaki Payung Kuning itu. Ini lah yang dilakukan sejak Yam Tuan-Yam Tuan dahulu, bagi meraikan satu-satu istiadat itu, baik untuk bersuka-sukaan maupun untuk masa-masa sedih, itu yang dinamakan "memelihara Adat" kata pepatahnya. Disaat itu lah AAKK itu boleh dikeluarkan dari tempat simpanannya ~~apa yang~~ dinamakan "peti Kerajaan" itu¹³¹.

129. Keterangan yang sama, orang yang sama.

130. Ibid.

131. Ibid.

Takhta Singgahsana (Peterakna) yang terletak di-
dalam Balai Rong Seri itu, adalah digunakan bagi semua adat
istiadat yang diadakan didalam Balai Rong Seri. Difahamkan
bahawa Takhta Singgahsana itu hanya boleh diduduki oleh DYMM
YDPB dan juga DYMM Tengku Ampuan Negeri Sembilan sahaja¹³².
Ini dirasakan sama keadaannya dengan mana-mana raja pun,
yang hanya Takhta Singgahsana itu digunakan oleh raja yang
berkenaan sahaja. Misalnya bagi Raja/Sultan Negeri Perak,
dimana Takhta Singgahsananya itu hanya boleh digunakan
dan disusuki oleh baginda serta permaisuri/ Tengku Ampuan
sahaja, orang lain tidak boleh menggunakannya¹³³. Ini diper-
cayai Takhta Singgahsana itu juga mempunyai daulatnya, dan
keistimewaanya yang tertentu.

Selain daripada istiadat pertabalan DYMM YDPB itu
Istiadat Penghulu-penghulu Luak mengadap Menjunjung Duli
Yang Maha Mulia (yang dibuat tiga tahun sekali) itu, ada-
lah dianggapkan satu istiadat yang tidak kurang pentingnya.
Istiadat ini juga diadakan sepenuhnya didalam Balai Rong
Seri (BRS), dimana AAKK itu juga diturunkan dan dipasang-
dihalaman istana.¹³⁴ Semua peraturan menurunkan AAKK itu
adalah dibuat pada hari pertama Istiadat itu, yang diraikan
selama tigahari. Melihat contoh yang pernah diadakan pada
Julai, 1971 yang akan dihuraikan oleh penulis, dapatlah

132. Keterangan dari D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

133. Keterangan yang sama.

134. Ibid.

menjelaskan lagi kedudukan AAKK itu didalam satu-satu istiadat itu. Hari pertama, iaitu pada 16.7.1971 itu, pagi-pagi lagi meriam kerajaan telah ditembakkan sebanyak satu das. Ini dibuat ialah untuk memberitahu Dato'-Dato' istana supaya datang ke Istana untuk mengadakan persiapan. Selepas itu Anak-anak Raja Bergelar hadir ke istana, dan tembakan meriam sebanyak 32 das dibunyikan menandakan AAKK itu hendak dikeluarkan daripada tempat simpanannya di BRS, yang dikelolakan oleh orang Empat Istana. Dato' Raja Diwangsa¹³⁵ menyeru Dato' Johan Pahlawan (Orang Enam Istana)¹³⁶ agar memberitahu Pegawai 99¹³⁷ untuk memasang AAKK yang diketuai oleh Dato' Setia Bijaya (Pegawai 99). AAKK itu terlebih dahulu ditepung tawarkan didalam istana sebelum ianya dipasangkan di halaman istana. Setelah selesai upacara pemasangan AAKK itu, istiadat Membaca Doa Selamat dibuat oleh Al Fathil Mufti Negeri Sembilan dan disusuli dengan jamuan ringan¹³⁸, jelas hari pertama itu dibuat khusus untuk menurunkan AAKK sahaja.

135. ~~Datuk~~ Raja Diwangsa ialah salah seorang daripada Orang Empat Istana yang bertanggung jawab keatas AAKK itu.

136. Orang Enam Istana,- mempunyai enam anggota yang bergelar Panglima Sutan, Panglima Raja, Laksemana Satu, Laksemana Dua, Datuk Andatar dan Datuk Johan, tugas mereka ialah membantu Orang 4 Istana menyediakan AAKK pada upacara-upacara tertentu, serta menyimpannya semula. Lihat Nordin Selat, Op.cit, Hal.62-63.

137. Pegawai 99,-adalah pegawai-pegawai yang dipilih dari suku-suku yang ada di Negeri Sembilan, ada antaranya dari Air kaki Lingkungan dan yang lainnya dari Luak Tanah Mengandung - 12 suku Ulu Muar, 12 Suku Jempol, 6 Suku Terachi, 6 Suku Gunung Pasir, Inas, Gemencheh dan Air Kuning, sebilangan kecil dari Rembau. Tugas mereka ialah menguatkuasakan larangan raja, dan hadir dalam adat istiadat raja, dan membantu Orang 4 dan orang 6 istana. Nordin Selat, Op.cit, Hal.63.

Dikatakan juga bahawa AAKK yang digunakan didalam setiap Adat-istiadat di Raja di Negeri Sembilan ini, mempunyai pantang larang dan juga peraturan penggunaannya, dan tidak boleh dipergunakan dengan sewenang-wenangnya. Jikalau AAKK itu mempunyai sarungnya (misalnya keris, tombak dan juga Pedang), maka orang yang berkenaan sahaja yang boleh mengeluarkan daripada sarungnya itu, iaitu Dato' Sri Amar Di Raja sahaja¹³⁸. Orang lain yang dipercayai dan yang mendapat keidzinaan daripada Dato' Sri Amar sahaja yang boleh berbuat demikian. Ini adalah disebabkan mereka itu mengetahui akan syarat-syarat dan juga pantang larang kepada penggunaannya, atau juga telah mengetahui akan jampi serapah bagi menggunakannya.¹³⁹

Begitu juga keadaanya dengan Alat-alat Kebesaran Di Raja yang berupa Batil, Pedang Sebarau Bujang dan juga Keris Keemasan itu, adalah mempunyai pantanglarangnya. Semua alat-alat itu dipercayai mempunyai daulat, kuasa ajaib justeru itu ia mistilah dijampi dan dikeminyankan supaya tidak mengganggu ketenteraman awam dan juga orang-orang di istana itu. Sejauh ini, menurut Dato' Penghulu Dagang, belum ada kejadian yang tidak diingini berlaku di istana, yang melibatkan kematian¹⁴⁰, hanya peristiwa yang disentuh terdahulu dari ini sahaja yang pernah berlaku.

138. Keterangan daripada D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan yang sama, masa yang sama.

139. Keterangan yang sama.

140. Keterangan yang sama.

Menyentuh tentang kepercayaan itu juga, ini adalah bersamaan dengan apa yang berlaku kepada nenek-moyang orang-orang Melayu sejak dahulu hingga sekarang, masih jelas ketara dikalangan mereka. Disamping itu juga dikatakan alat-alat tersebut menjadi penjaga tuannya, dan yang melakukan penjagaan itu ialah 'datuk-nenek', kerana alat-alat itu (misalnya keris, tombak dan juga pedang) adalah kepunyaan datuk-nenek mereka, atau katalainnya ialah 'pusaka'. Kalau di Negeri Sembilan, AAKK itu tersimpan didalam tempat simpanan khas didalam BRS. Kecuali Batil, Pedang Sebarau Bujang dan Keris Keemasan sahaja ddisimpan didalam Istana Besar, yang diberikan penjagaan begitu baik oleh pawang di raja.¹⁴¹

Disamping itu, bagi sesuatu perayaan keatas adat-istiadat yang diadakan di Istana mau pun di luar istana, baik untuk tujuan bersuka-sukaan mau pun tujuan berdukacita penurunan alat kebesaran dan juga adat-istiadat itu seharusnya disertai dengan bunyi meriam ("didengar bunyi"). Ini telah menjadi peraturan semenjak dahulu lagi, semua ini jelas kelihatan seperti dibawah;

<u>Istiadat.</u>	<u>Bilangan tembakan.</u>
1. Hari kemangkatan DYMM YDPB.	32 das.
2. Permakaman jenazah al marhum.	ikut umur.
3. Melantik ganti YDPB.	32 das.
4. Menetapkan pekerjaan pertabalan.	32 das.
5. Memberitahu Dato' yang beradat keistana.	1 das.
6. Berangkat Bersiram ke Pancha Persada.	8 das.
7. Berangkat balik dari bersiram.	8 das.
8. Keberangkatan Undang yang Empat ke Istana.	15 das/

141. Keterangan daripada D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

9. Melantik DYMM Tengku Ampuan.	8 das.
10. Meletak pekerjaan Penghulu Luak Mengadap.	32 das.
11. Penghulu Luak Mengadap.	16 das.
12. Kemangkatan DYMM Tengku Ampuan.	16 das.
13. Permakaman jenazah baginda.	16 das.
14. Kemangkatan Putera yang Empat.	8 das.
15. Permakaman jenazah Putera yang Empat.	8 das.
16. Kemangkatan Putera-puteri YDPB.	8 das.
17. Permakaman jenazah mereka.	8 das.
18. Kemangkatan anak-anak Raja bergelaw.	8 das.
19. Permakaman jenazah al Marhum.	8 das. 142.
20. Setiap awal bulan puasa.	8 das.
21. Tiap-tiap awal Hari Raya Puasa dan Haji.	8 das.
22. Setiap lepas khutbah diistana masa hari raya.	8 das. 142.
23. Istiadat perkahwinan di Raja.	43 das.

Jelas kalau diperhatikan, bilangan bunyi meriam kerajaan itu adalah berbedza antara satu istiadat dengan istiadat yang lain. Semenjak dahulu, hingga sekarang, keadaan yang begini dibuat dan maseh dikekalkan. Diawal sesuatu istiadat itu didahulukan dengan bunyi meriam, begitu juga diakhirnya.¹⁴³

Melihat sedikit kepada aturan dan istiadat Berkabung tanda kesugulan/berdukacita. Misalnya dimasa kemangkatan kerabat diraja, tanda bagi istiadat perkabungan itu dijalankan ialah, dililitkan kain putih selebar dua jari (lebih kurang satu setengah inci), di songkok¹⁴⁴.

<u>Istiadat Kemangkatan.</u>	<u>Tempat dan bilangan hari.</u>
1. DYMM Yang Di Pertuan Besar	 Seluruh Negeri, 40 hari.
2. DYMM Tengku Ampuan.	 Luak T. Mengandung, 21 "
3.	

142. Lihat Aturan Adat Istiadat, Op.cit, Bab. 18.

143. Keterangan D.P. Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

144. Keterangan yang sama.

3. Kemangkatan YAM Putera Yang Empat.Lingkungan Air Kaki selama 7 hari.
4. Kemangkatan Isteri-isteri Putera yang empat.Lingkungan Air kaki selama 3 hari.^{145.}

Disitu diperlempangkan juga bilangan hari dan juga kawasan-kawasan istiadat berkabung itu dijalankan, di-masa sesaorang kerabat di Raja itu mangkat. Istiadat ini misti dilaksanakan dan dibuat dikalangan mereka yang terli-bat di Luak Tanah Mengandung khasnya, dan di seluruh Negeri Sembilan am nya. Sejauh ini, tiada pmla istiadat yang sede-mikian itu diabaikan oleh pihak-pihak yang terlibat. Lojik-nya bukan hanya istiadat itu dilakukan di Negeri Sembilan sahaja, tetapi seandainya perkara yang sama berlaku bagi raja-raja di Negeri lain, cara yang sama juga harus dilaku-kan oleh golongan istana dan juga rakyat jelata.¹⁴⁶

1.4: Alat-Alat Kebesaran Kerajaan Negeri Sembilan.

<u>Alat-alat.</u>	<u>Bilangan.</u>
1. Payung Kuning.	8.
2. Keris Panjang.	8.
3. Pedang Panjang.	8.
4. Panji-Panji(Tonggol) Kuning.	4.
5. Panji-Panji(Tonggol) Merah.	2.
6. Panji-Panji(Tonggol) Hitam.	2.
7. Tombak Berambu.	8. ^{147.}

145. Lihat Aturan Adat Istiadat, Op.cit., Bab 19.

146. Keterangan D.P. Dagang Adam Yusuf, keterangan sama.

147. Lihat Cenderamata Pertabalan DYMM Tuanku Jaafar Ibni al Marhum Tuanku Abdul Rahman, pada April, 1968.

Kalau diperhatikan kepada bilangan AAKK itu, yang merangkumi lima jenis alat, jelas didapati bilangannya adalahtetap, iaitu lapan kesemuanya. Ini telah pun ditetapkan semasa pemerintahan Al Marhum Yam Tuan Muhammad (1888-1933), dimana baginda mahu menjadikan bilangan AAKK itu sama. Ini tidak ada apa-apa maksud yang tertentu, hanya mahu mengubah bilangannya sahaja, kalau dahulu, iaitu semasa pemerentahan Yam Tuan Melewar dan yang selepasnya, bilangan AAKK itu ialah enambelas semuanya¹⁴⁸. Oleh sebab terdapat AAKK itu yang hilang, rusak dan sebagainya, maka ketetapan untuk menjadikan kepada lapan sahaja dibuat oleh Yam Tuan Muhammad.

Kalau mengikut pendapat Wilkinson, ia mengatakan bahawa AAKK Negeri Sembilan itu terdiri daripada alat-alat yang melambangkan keagungan raja Negeri Sembilan itu. Sebetulnya Yam Tuan Negeri Sembilan ini mempunyai banyak AAKKnya yang membawa erti kepada berbagai-bagai, dan Tombak atau pedang serta keris juga merupakan AAKK bagi raja Negeri Sembilan ini.¹⁴⁹ Menurutny AAKK Negeri Sembilan itu ialah;

1. 8 Tombak Benderang.
2. 8 Pedang.
3. 8 Keris Panjang.
4. 16 Tempatvililin (8 yang besar dan 8 yang kecil).
5. 8 Tempat Sireh.
6. 8 Payung.
7. 8 Tempat Abu.
8. 8 Tempat air.....¹⁵⁰.

148. Kenyataan D.P.Dagang Adam Yusuf, pertemuan sama.

148. Wilkinson, R.J., Papers on Malay Subjects, K.Lumpur Singapore Oxford University Press, London, 1971, Hal.373

Kalau diperhatikan, terdapat perselisihan pendapat dan keterangan antara Wilkinson dengan Orang Empat Istana yang mengetahui tentang AAKK ini. Namun, bagi Wilkinson ia mengatakan, didalam banyak Istiadat di Raja, hanya keris, pedang dan juga tombak yang digunakan, tanpa yang lain-lain itu diambil kira. Ini sebenarnya bercanggah dengan apa yang sebenarnya. Walau bagaimana pun, persoalan ini akan lebih jelas diterangkan dalam bab-bab yang seterusnya, apabila setelah satu AAKK itu di perbincangkan nanti.

Merujuk pula kepada kenyataan yang dicatatkan oleh Aturan Adat Istiadat dalam Istana, ada dikatakan bahawa AAKK Negeri Sembilan itu adalah seperti berikut;

- | | | |
|---|---|-------------|
| 1. Payung Kuning. | - | 16. |
| 2. Pedang Panjang. | - | 16. |
| 3. Keris Panjang. | - | 16. |
| 4. Tombak Berambu. | - | 16. |
| 5. Panji-panji(Tonggol)kuning | - | 4. |
| 6. " " " Merah. | - | 2. |
| 7. " " " Hitam. | - | 2. |
| 8. Tempat Sireh. | - | 8. |
| 9. Tempat Abu. | - | 8. |
| 10. Tiang Lilin. | - | 8. ... 149. |

Walaupun bagaimana pun didalam kajian ini, penulis hanya menekankan kepada pembahagian yang dibuat oleh Orang Empat Istana mengenai dengan AAKK ini. Perbincangan akan dibuat dalam bab-bab yang terkemudian.

149. Lihat Aturan Adat Dalam Istana, Op.cit, Bab. 17.

SENARAI BAHAN-BAHAN RUJUKAN.

SUMBER AWALAN.

MAJALLAH / JOURNAL

1. Linehan, W., "The Kings of 14th: Century, Singapore, JMBRAS, vol: xx, pt: 11, Dec:, 1947.
2. Lister, M., "The Negeri Sembilan; their Origin and Constitutions, "Journal of The Royal Asiatic Society Straits Branch (JSBRAS), vol: 19, Singapore, 1887.
3. Winsted, R.O., "Kingship and Entronement in Malaya", Journal of The Malayan Branch of Royal Asiatic Society, vo: xx, pt. 1, 1947.
4. Williams, G.C.G., "Suggested Origin of The Malay Keris and The Suoersitions attaching to it", Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, vo: xvi, pt: 2, 1938.
5. Wollery, C.G., "Origin of The Malay Keris", Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, vo: xvi, pt: 2, 1938.

CENDERAMATA.

6. Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Ke 10, 8hb: April, 1968, Seremban, Cetakan Sum Wah, 1968.
7. Cenderamata Minggu Sejarah Negeri Sembilan, 2hb - 6hb, April, 1968, Anjuran Persatuan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan, Seremban, Cetakan Sum Wah, 1974.
8. Cenderamata Penghulu-Penghulu Luak Mengadapa Menjunjung Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Julai, 1971, Seremban, Cetakan Sum Wah 1971.
9. Aturan Adat Istiadat Di Dalam Istana Besar Sri Menanti, Susunan Pertama Oleh Pegawai-Pegawai Istana, 1955.

SUMBER KEDUA.

BUKU-BUKU.

- 100 Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi, Kesah Pelayaran Abdullah, Malaysia Publications, Ltd:, Singapore, 1935.
11. Abdul Samad Ahmad, Pesaka Selangor, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.
12. Abdul Samad Bin Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban, 1961.

13. Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968.
14. Buyung Adil, Sejarah Alam Melayu V, Departmen of Educations, 1949.
15. De Jossilin De Jong, Agama-Agama di Gugusan Pulau-Pulau Melayu, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
16. Gardner, G.B., Keris and The Other Malay Weapons, Singapore Progressive Published Company, 1963.
17. Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu, Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.
18. _____, Indegenous Political System of Western Malaya, The Athlone Press, London, 1958.
19. Hooker, M.B., Adat, Laws In Modern Malaya, Oxford University Press, London, 1972.
20. Nasroen, Mr: Proff, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Bulan Bintang, Jakarta, 1971.
21. Nordin Selat, Dr:, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan-Melayu (M) Bhd:, Kuala Lumpur, 1976.
22. New Bold, T.J., British Settlements In The Straits of Malacca, vol: 11, Oxford University Press, London, 1971.

23. Manggis, Rasjid, M., Dt. Radjo Panghoeloe, Negeri Sembilan Hubunganja Dengan Minangkabau, Padang Panjang, August, 1970.
24. Merewether, E.M., Reports On The Census of The Straits Settlements 1891, Government Printing Office, Singapore, 1892.
25. Khoo Kay Kim, Proff., The Western Malay States 1850 - 1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
26. Ronkel, Dr., Ph. S. Van., Risalah Hoekoem Kanoen, Joitoe Oedang-Oedang Melaka, Leidan, N.V. Boekhdel en Drukkerji Voor heen E.J. Brill, 1919.
27. Shellabear, W.G.(ed), Sejarah Melayu or The Malay Annals, Publishing House, Ltd, Singapore, 1954.
28. Sheppard, Mubbin, Taman Indera, "A Royal Pleasure Ground Malay Decorative Arts Pastimes", Oxford University Press, Kuala Lumpur.
29. Shahrum Yub, Keris and Senjata-Senjata Pendek, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1967.
30. Wilkinson, R.J., Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur Singapore, Oxford University Press, London, 1971.
31. Winsten, R.O., The Malays, a culture History, Routledge And Kegan Paul Ltd.: London, 1972.

LATEHAN ILMIAH.

32. Abdul Aziz Salleh, Sejarah Linggi Antara TM 1800-1874, (Latehan Ilmiah, B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia 1973).

33. Dol Bahar Bin Mohd., Berberapa Aspek Hukum Adat Dan Pentadbiran di Naning (1900-1941), (Latehan Ilmiah B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973)
34. Idris Jusi, Sistem Politik Melayu Tradisi, (Latehan Ilmiah B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974).
35. Mohd Dahlan Bin HajinAman, Pentadbiran Adat ke Atas Sistem Tanah Di Naning (Melaka), (Latehan Ilmiah B.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968).
36. Zainal Kling, Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah Melaka, (Latehan Ilmiah B.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966).

LAMPIRAN KHAS.

(Senarai Orang-Orang Yang di Temuramah).

Orang Empat Istana.

1. Y.M. Dato' Penghulu Dagang
Adam Bin Yusuf, P.J.K.
Kampung Buyau,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan.

Orang Enam Istana.

2. Y.M. Dato' Panglima Sutan,
Bador Bin Hussain,
Kampung Buyau,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan

Pegawai Istana.


3. Y.M. Dato' Pengelola Bijaya Di Raja,
Haji Maulud,
Tanjung Ipoh,
Kuala Pilah.
Negeri Sembilan.
4. Y.M. Tengku Aminuddin,
Istana Besar Sri Menanti,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan.
5. Y.M. Raja Azman,
Istana Besar Sri Menanti,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan.

Lain-Lain.


6. Y.A.B. Datuk Abdul Samad Idris,
Menteri Di Kementerian Kebudayaan
Belia Dan Sukan, (K.K.B.S.),
Wisma Keramat,
Jalan Gurney.
Kuala Lumpur.
7. Incik Ismail Bin Abu,
No. 15, Jalan Istana Lama,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan.
8. Incik Sulaiman,
Kampung Buyau,
Sri Menanti,
Negeri Sembilan.

LAMPIRAN A.

SUSUNAN PARA JEMPUTAN
DIDALAM ISTIADAT YANG DIADAKAN
DIDALAM BALAIRONG SERI.




KEDUDUKAN ALAT-ALAT KE-
BESARAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN.



KEDUDUKAN ALAT-ALAT TERSEBUT
ADALAH SAMA DENGAN KEADAAN MANA
IA DIARAK, BATAS D & E SAMA KE-
DUDUKANNYA.

LAMPIRAN B (ii).

KEDUDUKAN ALAT-ALAT
KEBESARAN KERAJAAN NEGERI
SEMBILAN, SECARA DEKAT.



LAMPIRAN C.

Peratoran Dato'² Yang Mengadap Menjunjong Duli
Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar,
Negeri Sembilan.

1. Menjunjong duli tiga kali dari tempat Seri Raja Di-Muda lepas itu berjalan ka-hadapan dengan menundokkan kepala.
2. Apabila sampai dekat tingkat hujong Singgahsana dudok bersela rapat lalu menjunjong duli sa-kali kemudian-nya naik kapada tingkat tangga.
3. Apabila sampai ka-tingkat tangga yang ketujuh hampir Ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia menjunjong duli tiga kali lalu menchium tangan Duli Yang Maha Mulia berturut² tiga kali.
4. Lepas menchium tangan Duli Yang Maha Mulia baharu-lah turun under dari situ.
5. Apabila sampai di-tingkat bawah Singgahsana hendak-lah bersela rapat dan menjunjong duli sa-kali.
6. Kemudian under ka-belakang dengan menundokkan kepala hingga sampai ka-tempat Seri Raja Di-Muda lalu dudok bersela rapat dan menjunjong duli tiga kali.


(Demikian-lah di-perbuat oleh Dato'² yang mengadap. di-kechualikan dato'² yang mengadap sa-derap dengan menjunjong duli tiga kali; demikian juga Dato'² Lembaga dalam Luak Jempul, Terachi dan Gunong Pasir).

Bunyi seruan Dato' Bentara Dalam

Dato'titah memanggil,
damping-lah mengadap menjunjong duli.

LAMPIRAN D.

PERTALIAN DI-RAJA



LAMPIRAN E.

PERJANJIAN DI-ANTARA YANG DI-PERTUAN
BESAR SERI MENANTI DENGAN
UNDANG YANG EMPAT

BAHAWA ada-lah dengan sa-sungguh-nya beta Yang Di-Pertuan Besar Muhamad C.M.G. Ibni Al-Marhum Yang Di-Pertuan Antah telah memperbuat surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar Sungai Ujong — kedua, Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Sutan Jelebu — ketiga, Dato' Johan Pahlawan Lela Perikasa Sitiawan Johoi dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau. Maka ada-lah beta serta Undang Yang Empat bersama2 Tuan British Resident telah mengokohi peratoran adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang tua2 zaman dahulu kala ia-itu yang tersebut di-bawah ini.


2. MAKA sekarang telah kembali-lah Undang Yang Empat menabalkan beta jadi raja di-dalam Negeri Sembilan kerana mengikut peratoran yang telah di-perbuat oleh orang tua2.
3. ADA PUN dari hal beta telah di-rajukan di-dalam Negeri Sembilan ini maka di-dalam atoran dahulu-nya tiada pula beta menchampori dari hal perentahan adat negeri atau shara' melainkan apa-apa yang berlaku di-dalam luak-nya masing-masing habis-lah dengan bermeshuarat dengan Tuan British Resident Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perentah beta.
4. JIKALAU berbangkit perselisihan di-antara Undang dengan Undang, ia-itu dari hal perentahan luak-nya, jika sa-kira-nya-lah beta menchampori serta mengadakan dari hal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau ra'ayat di-dalam perentahan Undang Yang Empat itu datang

mengadap mengadukan hal atau dengan surat tiada-lah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.


5. DAN apakala sampai pada hari raya yang kedua di-dalam atoran yang dahulu tiada-lah pula Undang Yang Empat datang menghadap beta di-dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuat-nya apa-apa peratoran di-dalam luak-nya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sa-suatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendak-lah Undang Yang Empat menyempurnakan dari hal itu.
6. JIKA Yang Di-Pertuan itu mangkat maka sa-harus-nya-lah Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas manah alakadar masing-masing dan seperti wang emas manah itu sa-patut-nya dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.
7. SHAHADAN hendak-lah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memilih di-dalam putera itu di-tabalkan jadi Yang Di-Pertuan mengikut sa-bagaimana istiadat peratoran menabalkan Yang Di-Pertuan dahulu itu juga, demikian-lah ada-nya.

Termaktub pada 8 haribulan Zulhijjah
sunnah Muhamadiyah 1315 berbetulan dengan
29 haribulan April, Tahun Masehi 1898.

Perjanjian ini di-tanda-tangani oleh Tuanku Muhammad Shah, Tuan E. W. Birch British Resident, Dato' Kelana Putera Ma'amor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu Abdullah, Dato' Johol Saeto dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.



Gambar 19a. Istana Besar Sri Menanti,
Tempat dimana Kajian dibuat.



Gambar 19b. Istana Lama Sri Menanti
Berbentuk Rumah-rumah Adat di-
Minangkabau.